

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 11
HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat dari Hulu Selangor, DBKL tidak pernah menutup mana-mana kawasan yang telah digazetkan sebagai padang-padang awam. Penutupan cuma dibuat jika padang-padang tersebut perlu diperbaiki atau dinaiktaraf dan akan dibuka semula kepada orang awam setelah kerja-kerja pembaikan atau menaiktaraf tersebut selesai.

Manakala untuk kawasan padang yang dimiliki oleh pihak swasta pula, DBKL tidak akan membenarkan penukaran kegunaan tanah tersebut jika syarat nyata tanah berkenaan adalah untuk padang atau rekreasi. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana syarat nyata tanah adalah untuk kegunaan lain seperti kediaman atau komersial dan sementara menunggu kawasan tersebut dibangunkan, kawasan yang kosong tersebut akan dijadikan padang sementara.

Dalam keadaan seperti ini, jika pemilik tanah memohon untuk membangunkan semula padang kepada pembangunan yang selaras dengan syarat nyata tanah, permohonan tersebut biasanya akan diluluskan. Walau bagaimanapun DBKL telah mensyaratkan setiap pembangunan perlu mempunyai kawasan lapang.

Justeru itu, tidak timbul isu penutupan padang awam dan juga padang swasta yang mempunyai syarat nyata tanah sebagai padang atau rekreasi. Padang-padang tersebut sememangnya diperuntukkan bagi kegunaan orang ramai untuk pelbagai aktiviti kecergasan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)
TARIKH	04.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah keluasan tanah yang patut diperuntukkan untuk mendirikan sesebuah sekolah rendah atau menengah. Adakah suatu garis panduan yang tetap disediakan bagi tujuan ini.

■ **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam proses menyediakan pembinaan sekolah rendah dan menengah, beberapa syarat-syarat yang telah digariskan oleh Kerajaan perlu dipatuhi.

Sehingga kini, KPM menggunakan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya keluasan tapak projek yang diperlukan untuk

pembinaan sekolah menengah ialah antara 8 - 12 ekar, manakala untuk sekolah rendah ialah antara 6-8 ekar.

Dalam membuat perancangan membina sekolah baru, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek berikut;

- (a) Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;
- (b) Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan
- (c) Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi sekolah kurang murid.

Di samping itu juga keperluan kumpulan umur bersekolah sesuatu penempatan, pembinaan mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan negara juga diambil kira.

Rjm 76
SOALAN NO. : 13

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH : 4 APRIL 2012

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian dalam menangani masalah hakisan pesisir pantai yang kini semakin serius yang telah dianggarkan melebihi 45 peratus dari pesisir pantai negeri Johor; dan
- (b) adakah kajian impak hakisan terhadap hutan paya bakau telah dilakukan dan apakah program mitigasi yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah hakisan pantai.

Bagi kawasan pantai yang telah terhakis, sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan telah membina struktur pengawalan hakisan pantai seperti berikut:

- i. pembinaan lapis lindung batu (*rock revetment*);
- ii. lapis lindung jenis "*flexslab*
- iii. "*groin*",
- iv. penambakan semula pasir yang telah terhakis;
- v. pembinaan pemecah ombak (*breakwater*);
- vi. dinding konkrit jenis "*wellguard*"; dan
- vii. lain-lain kaedah yang bersesuaian.

Untuk jangka panjang pula, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang menyediakan satu Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan- ISMP*) untuk Negeri Johor yang merangkumi pantai dari Tanjung Piai, Pontian hingga ke Sungai Kesang, Muar. Laporan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi Kerajaan semasa meluluskan sebarang projek pembangunan di persisiran pantai. Tujuannya adalah agar pembangunan yang akan dijalankan tidak merosakkan pantai atau menyebabkan masalah hakisan pantai di kawasan berhampiran.

(b) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menjalankan kajian impakhakisan terhadap hutan paya bakau. Hasil daripada kajian ini, didapati kawasan hutan paya laut seluas 25,600 hektar dari 132,000 hektar telah hilang di Semenanjung Malaysia di

antara tahun 1990 hingga 2010. Dalam tempoh ini, setiap negeri mengalami kehilangan hutan paya dalam lingkungan purata 20% termasuk 6,120 hektar di Johor. Masalah ini berpunca daripada penubuhan kolam ternakan udang dan ikan, hakisan pantai, aktiviti pertanian dan lain-lain.

Selain itu, menurut kajian oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), didapati pokok bakau dapat hidup dalam keadaan laut tenang dan mempunyai kadar sedimen terampai yang tinggi. Seandainya parameter tersebut tidak dapat tercapai, maka pemecah ombak haruslah dibina bagi mengurangkan kelajuan arus dan ketinggian ombak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah mitigasi, Kementerian telah menubuhkan 'Pasukan Petugas Khas Jawatankuasa Operasi Menanam Pokok-pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara', ia bertujuan untuk memelihara dan memulihara ekosistem Hutan Paya Laut yang terjejas ekoran daripada kejadian tsunami pada 26 Disember 2004. Hasil daripada usaha ini, sehingga kini, sebanyak 6.3 juta pokok yang meliputi kawasan seluas 2,345 hektar telah ditanam di seluruh Malaysia. Program penanaman pokok ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISA
TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**

KAWASAN

PASIR PUTEH

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

NO. SOALAN .

61H-

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN minta MENTERI
PERDAGANGAN, ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan jumlah dagangan antara Malaysia dan Indonesia
dan adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan khas
untuk merencanakan hubungan dagang dengan negara
berkenaan memandangkan banyak persamaan di antara dua
negara ini,,

Jawapan:.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan **memberi** keutamaan **kepada** pasaran .ASEAN yang merupakan rakan ■ dagang - utama Malaysia. Seperti ' sedia **maklum**, ASEAN akati snenjadi **sebuah** pasaran dan pusat pengeluaran tunggal pada **tahun** 2015 dengan pembentukan **Komuniti Ekonomi ASEAN**. Oleh yang demikian, Kerajaan-**sedang** dan **akan** mempertingkatkan **program-program** galakan perdagangan dan pelaburan untuk membolehkan syarikat^syarikat' ' Malaysia **menerokai** peSuang-peluang pernlagaan yang **wujud** Siasll integrasi .**ekonomi rantau. ASEAN.**

Dalam konteks ini, Malaysia juga turut mempertingkatkan kerjasama ekonomi dua hala dengan Indonesia yang merupakan **pasaran penting bagi keiuaran Malaysia serta destinasi utama bagi peiaburan syarikat-syarikat Malaysia di rantau ini,**

Pada masa ini terdapat beberapa forum, yang diwujudkan dengan Indonesia untuk **merencanakan lagi! hubungan dagangan. Antaranya Salah Mesyuarat Suruhanjaya Bersama SVIalaysia-Indonesig di mana beberapa kumpulam kerja khas telah diwujudkan untuk memperkukuhkan**

hubungan dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan • dan pelaburan pengangkutan, komoditi dan pejancongan.

Di samping itu, kedua-dua **negara** juga mewujudkan Jawatankuasa Bersama Perdagangan dan Pelaburan' (*Joint-Trade and Investment Committee-JTIG*) di peringkat **Menteri**. Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membolehkan kedua-dua ■ negara membincangkan secara terperfnci-isu-isu perdagangan dan pelaburan yang dihadapi daSam perdagangan dua hala- serta mengenaS. past! inisiatif-inisiatif baru bagi memperkukuhkan terjasama **ekonomi**. liesyuarat pertama **telah diadakan** pada tahun 2008 dan mesyuarat kedua dsjangka diadakan pada tahun ini.

Menteri-menteri Malaysia juga sentiasa mengadakan perbincangan **dua hala dengan rakan** sejawatnya di Indonesia semasa Hflesyuarat-mesyuarat ASEAN untuk terus mencari penyelesaian kepada isu-isu yang dihadapi serta- **aktiviti-aktiviti** baru. yang boSeh dilaksanakan secara bersama.

Di samping perbincangan dua haia, MaSaysia. juga mempertingkatkan aktiviti-aktiviti galakan perdagangan dan pelaburan, Pada tahun 2011, Malaysia telah mengadakan beberapa program galakan perdagangan dan pelaburan ke Indonesia seperti berikut:

i) Misi galakan perdagangan Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia (*Malaysia-Indonesia Business Council-MBC*) ke Jakarta, 4-8 Mac 2011;

ii) Seminar anjuran Malaysia Property Incorporated (**MPI**) ke Jakarta, 11-12 April 2011 dan 12-13 Nov 2011;

iii) 'Ekspo Perniagaan ■ S/Malaysia-indonesia (*Malaysia ' - Indonesia Business Expo-M SBEX*) 2011 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (**KPDNKK**) di Jakarta, Indonesia, **17-19 November 2011**;

iv) Pameran dan Seminar' Penjagaan Kesihatan oleh Malaysia Healthcare Travel Council, 9-12- Sept 2011 di S@So dan 11-13 Nov 2011 di Surabaya; ■

v) Program "My Second **Home**" di Jakarta, 25»26 Februari **2011** ;

vi) - Misi Pemasaran bagi Komponen dan Alat Ganti **Automotif** ke Jakarta, 22-25 Mac 2011 dengan penyertaan

8 buah syarikat Malaysia;



vii) Misi Pemasaran bagi' Sektor Pembinaan k@ Jakarta₃ 26-28
 Juiai 2011 dengan penyertaan 12 buah syarikat Malaysia
 dan penyertaan 15' buah syarikat Malaysia dalam- **pameran**
 perdagangan **INDOBUILDTECH** di Jakarta 22-26 Jurs2011;

viii)Misi Pemasaran bagi ICT Re Jakarta₅ 26-29 September
 2011 denga-n penyertaan 38 buah. syarikat Malaysia;- dan .

ix) Penyertaan **15** buah hospital swasta Malaysia dalam **Ekspo**
Hospital untuk mempromosikan Malaysia sebagai
 destinasi pusat **penjagaan kesihatan** di Jakarta, 19-22
 Okt@b@r 2011,

Misi perdagangan yang diketuai oleh YAB Perdana **M'enteri,**
 YAB Timbalan Perdana Henterl₅ YB Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, YB Menteri. Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Menteri. Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan juga telah mengadakan lawatan ke Indonesia. Semasa lawatan-lawatan ini seminar dan perbincangan meja bulat mengenai peluang-peluang perdagangan ;dan- pelaburan -diadakan dengan ahli-ahli perniagaan Indonesia dan Malaysia.

MATRADE juga telah menggalakkan syarikat-syarikat Indonesia untuk menyertai pameran-pameran di Malaysia.. Pada tahun 2011, sebanyak 16 syarikat Indonesia telah menyertai pameran MIHAS 2011 dan 17 syarikat Indonesia dalam pameran IMTRADE 2011. Aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan ke Indonesia akan terus dilaksanakan pada tahun 2012.

Hasil daripada aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan, pada tahun 2011 Indonesia merupakan rakan dagangan negara ASEAN yang ketiga terbesar bagi Malaysia

dan menyumbang sebanyak 4,7 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Di kalangan negara-negara ASEAN* • Indonesia merupakan negara pengeksport dan pengimport ketiga terbesar selepas Singapura dan Thailand.

Jumlah perdagangan dua hala **'Malaysia-Indonesia telah mencatatkan peningkatkan sebanyak 17.6 peratus** dari RM47.5 **bilion** pada tahun 2010 kepada **RM55.9 bilion** pada 2011.

Nilai eksport pada tahun 2011 telah mencatatkan **peningkatan sebanyak 15.1 peratus** dari RM **'18.1 -bilion-** pada 2010 kepada RM20.8 bilion pada 2011. **Di samping itu,** nilai import Malaysia juga telah mencatatkan **peningkatan** sebanyak 19.4 peratus kepada RM35.1 **bilion** - pada 2011 **berbanding sebanyak RM29.4 bilion pada 2010.**

Eksport **utama** ke Indonesia pada tahun 2011 adalah **kimia** dan produk berasaskan kimia, barangan elektrik dan elektronik, jentera **dan** peralatan, produk petroleum bertapis dan makanan terproses. Nilai import **utama** Malaysia dari Indonesia adalah minyak kelapa sawit, barangan buatan **besi**, kimia dan produk berasaskan **kimia**, produk **petroleum bertapis dan peralatan elektrik dan elektronik.**

Indonesia juga **merupakan** lokasi penting bagi pelaburan syarikat-syarikat Malaysia. Jumlah pelaburan Malaysia di Indonesia dari 2008-2011 adalah **US\$5.9** bilion. Malaysia pula dan antara **pelabur-pelabur utamanya adalah ■ Mah Sing Group Berhad, Petrolim Nasional ' Berhad, Kumpulan Guthrie Berhad, Sime Darby Berhad, Maybank Group,**

Takaful- Malaysia, CIMB Group dan Telekom Malaysia Berhad.

Usah'a-tisaha juga telah **dipergjatkan** bagi- menarik pelabur-pelabur .Indonesia untuk meSabur di Malaysia, **Terdapat** beberapa tokoh **korporai .Indonesia** yang **telah-mula** melabur di bldang harta tanah seperti hotel dan lapangan golf. Jurrilah **pelaburan Indonesia di Malaysia dalam sektor pembuatan dan • 'perkhidmatan 'dart 2006-September .2011'** adalah US\$733=5 juta,

Satu **Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kerjasama Bilateral Malaysia dan Indonesia** telah **diadakan** di Lombok, Indonesia - pada 20 Oktober 2011 yang- **dihadiri oleh YAB Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak dan Presiden Indonesia, T.Y.T Dr. Susilo Bambang Yudhoyono.** Menyedari kepentinganari dalam **kerjasama bilateral Malaysia dan Indonesia, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menuhuhkan tig a** kumpulan- kerja untuk memantau perkembangan dan mengenal pastS potensi kerjasama **Malaysia** dan Indonesia.

Bagi melancarkan pelaksanaan dan fas.ISstasi perdagangan, Malaysia dan Indonesia- telah bercadang untuk mewujudkan beberapa Memorandum- **Persefahaman** antaranya ialah Memorandum Persefahaman.:(MOO) mengenai: •

i) Pelaksanaan **Perkhidmatan-'Udara Dua Hala;** . .

- IS) Kerjasama ' **Membahteras** Pembalakan Haram dan Perdagangan Balak; ill) Kerjasama dalam- bldang Perikanan-;
- iv) - Pas PeSajar **atau** Visa bagi Program Pengajian **Tfnggl**;
- v) **Kerjasama Pelancongan**;
- vi) 'Kerjasama dalam bldaiig Pendidikan;
- vii) - Kerjasama dalam **Maklumat dan Komiinikasi**;;
- viii) Kerjasama bidang Komoditi;
- Ix) Perjanjian Perdagangan Sempadan 1970; da'n. x)**
Kerjasama dalam bidang Kesihatan.

Malaysia akan terus **memberi keutamaan** untuk **memajukan hubungan** kerjasama **ekonomi** dengan- Indonesia secara **dua hala** ataupun meSaSoi kerjasama daSam rangka kerja ASEAN.

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARI PADA **DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]**

TARIKH **4 APRIL 2012 (RABU)**

SOALAN **15**

Dato' Seri Ong Tee Kiat [Pandan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan ragam khidmat kaunter JPJ yang telah dipermudahkan melalui khidmat "*on-line*". Sila berikan nama-nama pembekal khidmat (*service provider*) bagi setiap bidang khidmat itu. Apakah khidmat yang berkenaan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

masih dikongkong oleh ikatan kontrak monopoli tertentu yang dipegang oleh syarikat konsesi asalnya.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan e-khidmat adalah merupakan salah satu alternatif kepada rakyat bagi membuat sebarang transaksi yang berkaitan dengan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara atas talian (*online*) tanpa perlu menghadirkan diri ke kaunter JPJ. Kerajaan telah melantik tiga syarikat penyedia e-Khidmat iaitu MyEG Services Berhad, Konsortium Multimedia Swasta (KOMMS) Sdn. Bhd. dan mySpeed.com Sdn. Bhd. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh ketiga-tiga syarikat tersebut adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	MyEG	KOMMS	mySpeed
Semakan maklumat KEJARA	S		
Pembaharuan Lesen Memandu	S		
Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM)	V		s
Pembelian polisi insurans bagi pembaharuan LKM	V		s
Semakan Saman JPJ	s	S	s
Pembayaran Saman JPJ	s	S	
Pemohonan Lesen Belajar Memandu (LDL)	s	V	
JUMLAH PERKHIDMATAN	7	4	5

Dengan itu, Kerajaan sebenarnya tidak mempraktikkan monopoli dalam pelaksanaan e-Khidmat di bawah JPJ, malahan mana-mana pihak boleh mengemukakan cadangan yang sesuai, jika ada, untuk dipertimbangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Datuk Chua Soon Bui [Tawau]**

TARIKH **4 April Mac 2012 (Rabu)**

SOALAN **16**

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI
PENGANGKUTAN**

menyatakan:-

- (a) senaraikan penerbangan-penerbangan terus MAS dan AirAsia dari Kota Kinabalu yang telah dibatalkan pada tahun 2011 dan 2012; dan
- (b) memandangkan syarikat penerbangan nasional iaitu MAS tidak dapat menyakinkan kerosakan yang dibawa oleh pembatalan penerbangan terus tersebut terhadap industri pelancongan dan hotel di Sabah, adakah Kementerian sudi membenarkan Kerajaan Sabah berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain berhubung perkhidmatan

JAWAPAN

penerbangan terus dari Kota Kinabalu

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah memberhentikan 2 perkhidmatan pada tahun 2011 dan 4 perkhidmatan penerbangannya pada tahun 2012 seperti berikut:

Bil.	Laluan	Tarikh Efektif
1.	Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Kaohsiung	30 Sep 2011
2.	Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Taipei	2 Jun 2011
3.	Kota Kinabalu-Osaka	6 Jan 2012
4.	Kota Kinabalu-Seoul	21 Feb 2012
5.	Kota Kinabalu-Haneda (Tokyo)	1 Feb 2012
6.	Kota Kinabalu-Perth	30 Jan 2012

Tiada sebarang perkhidmatan penerbangan terus yang disediakan oleh AirAsia dari Kota Kinabalu dibatalkan pada tahun 2011 dan 2012.

- (b) Kementerian Pengangkutan tiada halangan terhadap cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain berhubung perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Kinabalu tertakluk kepada hak trafik yang mencukupi dan syarikat penerbangan tersebut mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA Datuk Chua Soon Bui [Tawau]

TARIKH 4 April Mac 2012 (Rabu)

SOALAN 16

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI
PENGANGKUTAN

menyatakan:-

- (a) senaraikan penerbangan-penerbangan terus MAS dan AirAsia dari Kota Kinabalu yang telah dibatalkan pada tahun 2011 dan 2012; dan
- (b) memandangkan syarikat penerbangan nasional iaitu MAS tidak dapat menyakinkan kerosakan yang dibawa oleh pembatalan penerbangan terus tersebut terhadap industri pelancongan dan hotel di Sabah, adakah Kementerian sudi membenarkan Kerajaan Sabah berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain berhubung perkhidmatan

JAWAPAN

penerbangan terus dari Kota Kinabalu

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah memberhentikan 2 perkhidmatan pada tahun 2011 dan 4 perkhidmatan penerbangannya pada tahun 2012 seperti berikut:

Bil.	Laluan	Tarikh Efektif
1.	Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Kaohsiung	30 Sep 2011
2.	Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Taipei	2 Jun 2011
3.	Kota Kinabalu-Osaka	6 Jan 2012
4.	Kota Kinabalu-Seoul	21 Feb 2012
5.	Kota Kinabalu-Haneda (Tokyo)	1 Feb 2012
6.	Kota Kinabalu-Perth	30 Jan 2012

Tiada sebarang perkhidmatan penerbangan terus yang disediakan oleh AirAsia dari Kota Kinabalu dibatalkan pada tahun 2011 dan 2012.

- (b) Kementerian Pengangkutan tiada halangan terhadap cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain berhubung perkhidmatan penerbangan terus dari Kota Kinabalu tertakluk kepada hak trafik yang mencukupi dan syarikat penerbangan tersebut mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARI PADA LISAN Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN (LIPIS)

TARIKH 04.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar mengenai perjawatan bagi guru-guru siswazah Gred DG41 di sekolah rendah dan adakah mereka diberi peluang untuk menjawat jawatan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan di Sekolah Rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, jawatan hakiki bagi Guru Besar dan Penolong Kanan merupakan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA34 dan DGA32. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih belum wujud jawatan hakiki Gred DG41 bagi Guru Besar dan Penolong Kanan di sekolah rendah.

Walau bagaimanapun, Guru Besar dan Penolong Kanan di sekolah rendah yang melanjutkan pelajaran secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ) dan dilantik ke Gred DG41 dikekalkan sebagai Guru Besar dan Penolong Kanan di sekolah asal mereka. Langkah tersebut bagi memastikan kepimpinan yang berterusan dan tidak menjejaskan pengurusan dan pentadbiran sekolah berkenaan.

Rjm 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

[TUMPAT]

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan berapakah jumlah wang yang dibayar kepada syarikat FBC Media Ltd. untuk penerbitan dokumentari yang disiarkan oleh BBC yang akhirnya BBC terpaksa memohon maaf.
Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah membayar wang kepada syarikat media asing untuk menyediakan berita atau program bagi meningkatkan imej kerajaan Malaysia. Sebenarnya, Kerajaan sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan negara lain, ada mendapatkan kepakaran asing dalam bidang komunikasi untuk menarik pelaburan asing dan meningkatkan kedatangan pelancong bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN:

Kerajaan tidak terbabit di dalam sebarang perjanjian penyiaran antara FBC dan BBC, ia merupakan urusan di antara kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN (?)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.04.2012

Y.B. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [TANGGA BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah gaji serta elaun bagi presiden atau CEO syarikat GLC (Government Linked Cooperation) seperti Petronas, Telekom dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta apakah terma dan syarat bagi pemegang penjawat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah gaji dan elaun yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd berdasarkan kepada maklumat awam (laporan tahunan syarikat yang

terkini) adalah seperti berikut:

	Syarikat	Ganjaran Tahunan (Gaji Dan Elaun)		
		Gaji RM	Elaun RM	Jumlah RM
1	Telekom Malaysia Bhd	1,241,300	734,500	1,975,800
2	Tenaga Nasional Bhd	1,407,700	840,300	2,248,000

Walau bagaimanapun, jumlah ganjaran yang dibayar kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS tidak dapat dimaklumkan memandangkan maklumat tersebut bukan maklumat awam berikutan status PETRONAS sebagai syarikat berhad tidak tersenarai yang tidak memerlukan syarikat melaporkannya dalam laporan tahunan syarikat.

2. Terma dan syarat pelantikan bagi setiap CEO syarikat berkenaan adalah berbeza-beza mengikut bidang tugas dan industri di mana GLC-GLC berkenaan beroperasi. Namun, pada amnya di antara terma dan syarat perkhidmatan Presiden atau CEO merangkumi tempoh perkhidmatan, gaji pokok bulanan, bonus tahunan, elaun, cuti tahunan dan ganjaran akhir perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DR. MOHD. HATTA BIN MD

RAMLI 4 APRIL 2012 (RABU)

NO. 20

Dr. Mohd. Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kaedah meningkatkan hasil bagi menampung pengurusan dan pembangunan universiti tempatan yang diberi autonomi dalam pengurusan kewangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemantapan struktur tadbir urus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah asas penting kepada pemerkasaan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang merupakan Teras Ke-4 dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan terletak di bawah Projek Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project, CAP*) Tadbir Urus. Antara objektif yang ditetapkan di bawah CAP Tadbir Urus ialah menggalakkan IPTA bergerak ke arah sistem tadbir urus berautonomi seperti tadbir urus, kewangan dan penjanaaan kekayaan, sumber manusia dan pengurusan akademik.

Sungguhpun, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM)

dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah memperolehi autonomi dalam Kewangan & Penjanaan Pendapatan, namun IPTA ini masih lagi memperoleh sumber dana melalui geran kerajaan di samping pendapatan dalaman seperti bayaran yuran pelajar, keuntungan simpanan tetap, sewaan, yuran penginapan, keuntungan pelaburan, hasil program akademik dan operasi hospital.

Kementerian telah memberi kebenaran dan menggalakkan IPTA menubuhkan syarikat induk dan anak syarikat sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan. Peruntukan seksyen 4A, jadual pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU 1971) memberi kuasa kepada IPTA untuk menubuhkan syarikat, membuat penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama dan apa jua bentuk kerjasama bagi aktiviti akademik dan penyelidikan di universiti. Peruntukan tersebut akan membolehkan entiti komersial diwujudkan oleh IPTA bagi mengembangkan peranan serta aktiviti dengan lebih berkesan di sektor komersial.

Di dalam usaha IPT mengambill inisiatif menjana pendapatan dalaman sendiri, kementerian akan memastikan pelaksanaannya dilakukan secara berhemah tanpa menjejaskan fungsi murni IPT sebagai pusat kecemerlangan akademik. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu akan dilihat agar ia tidak menjadi penghalang kepada IPTA untuk melaksanakan program bagi menjana pendapatan mereka sendiri. Setakat ini, telah terdapat beberapa IPTA yang berupaya menjana pendapatan

dalamnya yang menyumbang 30% atau lebih kepada perbelanjaan operasi.

Vlo soAlAW ■ 2\

~~NQ-AtHVI : 8-~~

~~-NOAUP t-aH~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO* HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 4 APRIL 2012

RUJUKAN : 4519

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan koperasi-koperasi yang dikendalikan oleh Persatuan Kebajikan Polis (PERKEP) di setiap ibu pejabat polis daerah bagi menjual barang-barang keperluan anggota polis seperti pakaian seragam dan lain-lain keperluan kecuali senjata api seperti mana wujudnya koperasi di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Iuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk mewujudkan koperasi- koperasi di bawah kendalian Persatuan Kebajikan Polis (PERKEP) di setiap ibu pejabat polis daerah. Walau bagaimanapun, cadangan ini boleh dikaji dan dipertimbangkan mengikut kesesuaian dan keperluan anggota di masa akan datang.

W.o.&oALAKJ

:-Ne-AOM-i-

47-

NO AUP—

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]
TARIKH	4 APRIL 2012
RUJUKAN	4647

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik PDRM berkaitan sindiket penjualan bayi di negara ini bagi tempoh 2008-2011 dan nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi fenomena ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebanyak 32 kes direkodkan bagi kes yang melibatkan penjualah bayi dalam tempoh 2008 sehingga 2011.

Bagi maksud mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan manusia, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya (capacity building) kepada anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia. Kursus-kursus yang diberikan merangkumi pelbagai aspek penguatkuasaan, pendakwaan, perlindungan dan pemulihan mangsa. Taklimat serta risalah mengenai jenayah ini juga telah diedarkan kepada para petugas di pintu-pintu masuk utama negara.

Kerajaan menyedari penglibatan dan kerjasama rakyat secara keseluruhan dalam membantu menangani isu pemerdagangan orang adalah amat penting. Justeru itu, program-program kesedaran awam telah diperhebatkan termasuklah menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA

dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta Lapangan Terbang Antarabangsa.

Jenayah pemerdagangan orang merupakan satu jenayah rentas sempadan (transnational crime). Oleh itu negara telah mengadakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom. Negara juga turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti International Organization for Migration (IOM) dan The Center for the Protection of Children's Rights Foundation (CPCR). Skop kerjasama yang dijalankan merangkumi aspek bina upaya (capacity building) termasuk latihan dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan, pengurusan rumah perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang.

NO SOALAN : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN :

DARIPADA

DEWAN RAKYAT

LISAN

**YB TARIKH
MOHAMED (SEKIJANG)**

DATUK HAJI BAHARUM BIN

04.04.2012

(RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi pencen khas atau wang sagu hati kepada anggota kerahan sepenuh masa Askar Wataniah yang pernah berkhidmat di sasaran penting, lebuhraya Timur-Barat dan pengawal sempadan Malaysia-Thailand.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Angkatan Tentera 1972 di bawah *Volunteer Forces (Pay and Allowances) Rules* 1980 telah memperuntukkan bayaran Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) kepada pegawai dan anggota sukarela yang telah dikerah sepenuh masa tidak kira di mana mereka pernah berkhidmat sama ada di sasaran penting, di lebuh raya Timur-Barat atau sebagai pengawal sempadan di Malaysia-Thailand.

Mengenai bayaran pensen khas pula, Kementerian Pertahanan melalui keputusan Majlis Angkatan Tentera bertarikh 17 November 2008 telah meluluskan pemberian pensen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan kepada bekas anggota kerahan sepenuh masa yang menamatkan perkhidmatan dengan tempoh perkhidmatan diakui 21 tahun dan ke atas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOICHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 04 APRIL 2012 SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada syor membayar balik RM250 juta yang dipinjamkan kepada National Feedlot Corporation (NFC) satu penyelesaian terbaik.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL
AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan terhadap kes mengenai National Feedlot Corporation (NFC) ini. Fokus siasatan SPRM adalah terhadap isu-isu berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan dan tindakan selanjutnya apabila siasatan di peringkat SPRM telah selesai.

Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN[JELUTONG]

TARIKH : 04 APRIL 2012

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada syor membayar balik RM250 juta yang dipinjamkan kepada National Feedlot Corporation (NFC) satu penyelesaian terbaik.
~~Sekian, terima kasih.~~

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL

AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan terhadap kes mengenai National Feedlot Corporation (NFC) ini. Fokus siasatan SPRM

adalah terhadap isu-isu berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan

Pendakwa Raya untuk keputusan dan tindakan selanjutnya apabila siasatan di peringkat SPRM telah selesai.

Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)
TARIKH	4 APRIL 2012
SOALAN	25

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
menyatakan agar Kerajaan dapat menyediakan peruntukan**

di bawah Program Jiwa Murni untuk membina dan menaik taraf jalan daripada simpang jalan Rumah Juing, Rantau Kurra ke Rumah Stephen, Laing Datu ke Rumah Brian, Meruyu ke Rumah Sing, karangan Ma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini telah komited dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan di bawah "second rolling plan" RMKe- 10.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menyenaraikan projek membina dan menaik taraf jalan daripada simpang jalan Rumah Juing, Rantau Kurra ke Rumah Stephen, Laing Datu ke Rumah Brian, Meruyu ke Rumah Sing, karangan Ma, di bawah "third rolling plan" RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada 2013- 2015.

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARI PADA : DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH : 4 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kawasan Barat Daya Pulau Pinang khususnya di Balik Pulau yang tersisih daripada keseluruhan pembangunan di bahagian Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Kenyataan YB Bayan Baru yang mengatakan bahawa Daerah Balik Pulau tersisih daripada keseluruhan pembangunan di Pulau Pinang adalah tidak benar sama sekali. Ini adalah kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak 78 projek telah diluluskan untuk pembangunan di daerah tersebut dengan jumlah kos sebanyak RM0.799 billion. Antara projek RMKe-9 yang telah siap pelaksanaannya adalah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) (RM142.6 juta), Kompleks Pendidikan Al-Mashoor (RM41.0 juta) dan Pembinaan Balai Bomba Kampung Terang (RM9.5 juta). Projek-projek RMKe-9 yang menjadi projek sambungan di dalam RMKe-10 antaranya ialah Projek Baikpulih jalan dari Pekan Genting ke Balik Pulau dan Bayan Lepas ke Balik Pulau dengan kos sebanyak RM19.5 juta. Projek-projek yang telah siap tersebut adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Daerah Balik Pulau sebagai hub pendidikan dan pengajian tinggi di Pulau Pinang.

Bagi pelaksanaan Rolling Plan Pertama, RMKe-10, sebanyak 22 projek telah diluluskan dengan jumlah siling peruntukan RP1 sebanyak RM249.5 juta. Pelaksanaan beberapa projek di antaranya pembinaan pusat latihan dan institusi pendidikan di kawasan tersebut dalam RMKe- 10 dijangka dapat memberi kesan limpahan ekonomi kepada kawasan Balik Pulau.

Antara intitusi pendidikan yang telah siap atau di peringkat akhir pembinaan di kawasan tersebut adalah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Politeknik Balik Pulau, Bangunan Tambahan MRSM Balik Pulau dan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor. Selain itu, terdapat juga beberapa projek infrastruktur yang telah diluluskan bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat di Daerah Balik Pulau.

Bagi menjana ekonomi dan menyediakan kemudahan kepada golongan nelayan secara khusus, Kerajaan Persekutuan di bawah Program Transformasi Luar Bandar turut memperuntukkan sebanyak RM0.87 juta untuk menaiktaraf jeti dan menyediakan kemudahan pendaratan ikan di kawasan Balik Pulau. Program pembangunan di Daerah Balik Pulau turut disokong dengan pelaksanaan program pembangunan modal insan serta penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan sektor perindustrian yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Koridor Wilayah Utara.

Selain daripada projek-projek yang khusus di Daerah Balik Pulau, Kerajaan Persekutuan juga turut meluluskan pelaksanaan beberapa projek utama di Negeri Pulau Pinang yang akan memberi kesan limpahan kepada Daerah Balik Pulau secara tidak langsung. Antara projek yang utama adalah pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang di Batu Kawan - Batu Maung, projek Naik Taraf Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang, projek Baik Pulih Jalan dari Jalan Genting ke Balik Pulau dan dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar (Fasa 1) serta projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Walaupun pelaksanaan projek-projek ini melibatkan beberapa mekanisme pembiayaan yang berbeza namun hasrat Kerajaan Persekutuan adalah bagi memastikan pembangunan yang inklusif yang boleh dinikmati oleh masyarakat Pulau Pinang keseluruhannya.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN
TARIKH

LISAN
YB. DATO' LILAH BIN YASIN JEMPOL
4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN:

YB. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta MENTERI KERJA
RAYA menyatakan:-

- (a) bilakah projek *Bahau By-Pass* akan dimulakan; dan
- (b) berapakah implikasi kos yang terlibat.

JAWAPAN:

(afitb)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jalan Pintasan Bahau, Negeri Sembilan (*Bahau By-Pass*) merupakan antara projek yang sememangnya telah dikenal pasti dan disyorkan oleh Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Semenanjung Malaysia untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10.

Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru dua lorong dua hala sepanjang 7 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R3 dari Jalan Bahau - Kuala Pilah (FT13) ke Jalan Bahau - Gemas (FT10) melalui Mahsan, Jempol. Anggaran kos projek ialah sebanyak RM90 juta, termasuk kos reka bentuk dan pengambilan balik tanah. Cadangan projek berkenaan telah dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* ke-2, RMKe-10. Namun demikian, ia tidak tersenarai sebagai antara projek baru yang diluluskan Kerajaan untuk tempoh tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dan memohon semula dengan UPE, JPM untuk kelulusan projek ini dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 29

(a) Wilayah 2 (Jitra) - 2,005.29 hektar

(b) Wilayah 3 (Pendang) - 7.54 Hektar

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

(c) Wilayah 4 (Kota Sarang Semut). -486.26 hektar

Pengurangan hasil akibat serangan ulat ratus ini dianggarkan sebanyak 10 peratus. Sekiranya serangan ulat pengorek batang ini tidak dikawal ia boleh merosakkan padi dan pengurangan hasil akan lebih meningkat.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Menjalankan aktiviti pengawasan atau pemeriksaan untuk menilai status serangan perosak dan penyakit secara berjadual di keseluruhan kawasan sawah padi dan memaklumkan kepada petani mengenai tindakan pengawalan yang diperlukan.
- (b) Mengadakan latihan / kursus serta petak-petak promosi teknologi kawalan perosak dan penyakit tanaman.
- (c) Menerbit dan mengedarkan bahan-bahan cetak kawalan perosak dan penyakit tanaman seperti poster, *pamphlet* dan sebagainya bagi membantu mereka mendapatkan maklumat terkini dan seiring dengan pembangunan teknologi perlindungan tanaman sediaada.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan dan membimbing petani-petani dalam sistem pertanian yang mesra alam dengan mengamalkan kaedah Amalan Pertanian Baik (GAP) melalui Pengurusan Tanaman Bersepadu dan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu bagi menangani masalah penyakit dan perosak padi seperti bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah.

Pengurusan Tanaman Secara Bersepadu (*Integrated Crop Management*) menitikberatkan:

- (a) Penyediaan tanah yang sempurna;
- (b) Penanaman yang serentak;
- (c) Sistem saliran dan perparitan yang baik; dan

(d) Pembajaan mengikut jadual penanaman.

Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management*) pula merupakan kawalan perosak secara fiizikal, kultura, mekanikal, biologi dan kimia. Pengurusan ini melibatkan:

- (a) Kaedah kawalan secara fizikal seperti gotong royong mengutip siput gondang, umpan kulit nangka, dan lain-lain;
- (b) Kaedah kawalan secara kultura seperti menanam menggunakan kaedah mencedung/fransp/anfer, membina parit ladang dan, menggunakan perangkap feromon untuk kawalan kumbang;
- (c) Kaedah kawalan secara mekanikal seperti perataan tanah, mengawal pergerakan jentera, menggunakan perangkap lampu bagi kawalan bena perang;
- (d) Kaedah kawalan secara biologi seperti burung pungguk bagi mengawal tikus, itik bagi mengawal siput gondang, dan *biopestiside* seperti *bacillus thugensis*, metarhizium dan *neem* dan
- (e) Penggunaan racun kimia secara terkawal untuk mengelakkan kemusnahan populasi serangga pemangsa yang boleh mengawal perosak secara semulajadi.

**NO. SOALAN :
29**

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
PERTANYAAN
DARIPADA
RAKYAT**

**LISAN
N
DATO' IBRAHIM
BIN ALI [PASIR MAS]**

**TARIKH
4 APRIL**

**RUJUKAN
2012 4520**

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin AM [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah - langkah yang telah diambil oleh pihak polis bagi memastikan kejadian membaling kepala babi ke dalam masjid yang semakin menjadi - jadi akibat daripada perbuatan pihak yang amat tidak bertanggungjawab, biadap dan kurang ajar, serta sejauh manakah siasatan polis terhadap kejadian yang sudah berlaku sebelum ini dan tindakannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 sehingga kini, terdapat sebanyak dua belas (12) kejadian telah dilaporkan di seluruh negara. Kes - kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu (membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan) dan 298A Kanun Keseksaan (menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dan sebagainya, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan).

Terdapat satu (1) kes yang telah dituduh di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu bersangkutan dengan Kulai/Rpt/10384/2010. Tertuduh telah di tuduh di Mahkamah pada 16 Disember 2011 serta telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda RM 2,000. Tertuduh telah dipenjarakan selama 2 bulan kerana gagal membayar denda.

Berhubung dengan jenayah baling kepala babi di beberapa masjid dan surau ini juga, daripada sebelas (11) siasatan kes yang dibuka, sebanyak empat (4) kes masih dalam siasatan polis dan enam (6) lagi kertas siasatan telah di NFA (*No Further Action*) oleh Ketua Unit Pendakwaan Negeri, Jabatan Peguam Negara.

Uo.SoAik^.

He-Akmt-r®

HQ-AUP—do

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH 4 APRIL 2012

RUJUKAN 4518

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Pangiima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil pencapaian pelaksanaan Program 6P khusus bagi negeri Sabah dan berapakah jumlah warga asing yang telah kembali ke negara masing-masing dan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap mereka yang ingkar dan terus menetap di negeri Sabah secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Labuan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil positif Program 6P ini dapat dilihat dalam kejayaan pendaftaran seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah melalui sistem biometrik. Melalui proses Pendaftaran di Sabah yang dilaksanakan pada 18 Julai '2011 sehingga 8 Ogos 2011 seramai 161,548 orang PATI telah didaftarkan. Dari jumlah tersebut, Sabah akan hanya menjalankan Proses Pemutihan bagi sektor perladangan dan pertanian sahaja yang dianggarkan seramai 84,570 orang. Namun demikian, sehingga 3 Mac 2012, seramai 31,186 orang PATI telah datang untuk diputihkan.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keseluruhan PATI yang keluar dari Sabah sehingga Februari 2012 adalah seramai 4,223 orang. Warganegara Indonesia mencatatkan bilangan tertinggi warga asing yang kembali ke negara asal iaitu seramai 2,671 orang, diikuti dengan warganegara Filipina seramai 1,417 orang.

Melalui program 5P, warga asing yang telah melanggar kesalahan imigresen akan didaftarkan melalui sistem biometrik dan diarah pulang ke negara asal. Mereka yang mempunyai majikan sahaja dibenarkan untuk masuk semula sekiranya majikan memenuhi syarat-syarat untuk

mengambil pekerja asing tersebut.

Selain itu, penguatkuasaan juga dijalankan secara bersepadu oleh Kementerian bagi memastikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dapat dikesan, ditangkap dan diusir. Penguatkuasaan ini melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), *Task Force* dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Langkah penguatkuasaan ini adalah sebagai langkah pengawalan secara menyeluruh melalui laut dan darat bagi mengelakkan kemasukan PATI secara haram.

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 4 APRIL 2012 (RABU)
DARIPADA Y.B. DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]

SOALAN

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa harga hartanah perumahan tidak dapat dikawal hingga menyebabkan generasi muda tidak mampu memiliki rumah sendiri. Apakah langkah-langkah untuk menangani kenaikan harga ini.

Tuan Yang DiPertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenai pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme bagi mengawal kenaikan harga rumah dan membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah:-

2

(i) Cukai Keuntungan Harta Tanah(CKHT)

Dalam pengumuman belanjawan tahun 2012, Kerajaan telah bersetuju

untuk menaikkan kadar CKHT daripada 5% kepada 10% bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada 2 tahun. Bagi harta tanah yang dilupuskan di antara 3 hingga 5 tahun, kadar CKHT kekal sebanyak 5% dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah yang dilupuskan melebihi 5 tahun. Kenaikan CKHT ini adalah merupakan langkah Kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator.

(ii) Nisbah Pembiayaan Perumahan (*Margin of Finance*)

Melalui mekanisme ini, nisbah pembiayaan bagi pembelian rumah ke-3 adalah ditetapkan pada kadar 70% sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam

aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30% dari kos harga rumah dengan wang sendiri.

Program Bagi Membantu Generasi Muda Memiliki Rumah Sendiri

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa program bagi membantu rakyat memiliki rumah:-

- (a) Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA)** yang berkonsepkan '*Public Private Partnership*' (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah di antara RM2.500 hingga RM7.500 sebulan) mampu memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM150,000 sehingga RM300.000 bergantung kepada lokasi. Harga jualan rumah PR1MA adalah lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan PR1MA adalah di atas tanah milik kerajaan dengan usahasama pemaju swasta.
- (b) Program Perumahan Rakyat (PPR)**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan pembinaan⁴ sebanyak 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi sebanyak 78,000 unit yang dibina oleh

Kerajaan termasuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan yang kurang berkemampuan.

(c) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

Memberikan pinjaman sehingga RM45,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun bagi tujuan membina rumah baru di atas tanah sendiri atau tanah yang dimiliki oleh keluarga terdekat. Disasarkan kepada golongan berpendapatan di antara RM750 sehingga RM2,500.

(d) Skim Rumah Pertamaku (SRP)

Dalam belanjawan tahun 2012, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan had maksimum harga rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku (SRP) dinaikkan daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Mulai tahun ini, penambahbaikan ini boleh dinikmati oleh pembeli rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan melalui pinjaman bersama suami isteri bagi harga rumah di antara RM100 ribu ke RM400 ribu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SRP diuruskan oleh Cagamas Berhad, syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kewangan (MoF).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN

ABDULLAH

[KOTA BHARU]

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan sebenar kehadiran YAB. Perdana Menteri dan Datin Seri Rosmah Mansor pada sambutan Thaipusam di Batu Caves pada 7 Feb 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tujuan sebenar kehadiran YAB. Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib bin Tuan Haji Abdul Razak dan isteri YABhg. Datin Seri Rosmah binti Mansor pada sambutan Thaipusam di Batu Caves pada 7 Feb 2012 adalah bagi memenuhi jemputan sebagai seorang pemimpin Negara untuk bersama rakyat.

Kehadiran tersebut sebagai tanda penghormatan oleh YAB. Perdana Menteri atas jemputan yang diberikan. Malah, kesempatan yang diberikan untuk menyampaikan ucapan di majlis tersebut telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh YAB. Perdana Menteri dengan penuh hikmah untuk menerangkan polisi Kerajaan dengan mengajak rakyat yang berbilang kaum agar sentiasa berusaha mengekalkan perpaduan dan keamanan yang dinikmati supaya terus terjaga sepanjang masa .

Pada masa yang sama, YAB. Perdana Menteri turut menjelaskan tentang komitmen Kerajaan yang dipimpin oleh beliau dalam menjaga kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira perbezaan agama, adat dan kebudayaan agar sentiasa menyokong usaha-usaha murni Kerajaan demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH

4 APRIL 2012

SOALAN:

YB Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan mengapa skim SBPA bagi semua kakitangan awam yang dikatakan penjawat awam akan menerima kenaikan gaji sebanyak 7% hingga 13% telah mendapat tentangan dari kesatuan sekerja Ceupacs. Bagaimanakah konsep keadilan dalam peningkatan gaji kakitangan awam dalam skim SBPA tersebut.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu. Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk Perkhidmatan Awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan. Justeru itu, tidak berbangkit isu ketidakadilan dalam peningkatan gaji kakitangan awam dalam SBPA.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TENG BOON SOON [TEBRAU]
TARIKH : 4 APRIL 2012

SOALAN

YB Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI

menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah berjaya menangani masalah inflasi dan membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum di negara kita.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan inflasi di negara kita adalah masih lagi terkawal walaupun terdapat tekanan daripada kenaikan minyak dunia. Pada tahun 2011, kadar inflasi tertinggi telah dicatatkan pada bulan Jun 2011 sebanyak 3.5% dan menyusut kepada 3.0% pada Disember 2011. Bagi keseluruhan tahun 2011, kadar inflasi berada pada kadar purata 3.2% dan ianya adalah masih terkawal dan boleh diurus. Pada bulan Januari 2012, inflasi menyederhana kepada 2.7% disumbang oleh peningkatan indeks bagi semua kumpulan utama, terutamanya indeks makanan dan minuman bukan alkohol (4.8%); indeks kesihatan (2.4%); indeks perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.8%) serta indeks pengangkutan (1.6%).

Antara langkah konkrit yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat menghadapi tekanan inflasi termasuklah dengan meningkatkan

penguatkuasaan pemantauan harga barangan keperluan asas yang digunakan oleh isi rumah seperti tepung gandum, gula, minyak masak, petrol, diesel, gas, roti dan ayam supaya harga stabil dan berpatutan.

Kerajaan juga sentiasa menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan serta melaksanakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barangan. Ini termasuklah perbincangan dengan para pengeluar, pemborong dan peruncit bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga.

Dalam konteks kemiskinan mutlak, kemiskinan isi rumah ditentukan oleh tahap pendapatan serta nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditentukan berasaskan kepada harga barang-barang keperluan asas, makanan dan bukan makanan. Sesebuah isi rumah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi dan aktif di dalam masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah berjaya menangani isu kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009. Pencapaian ini adalah melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif khususnya melalui program-program untuk meningkatkan kapasiti dan potensi menjana pendapatan termasuk program-program ekonomi, keusahawanan, latihan kemahiran, pendidikan dan sebagainya. Kerajaan juga telah berjaya menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan dan membuka lebih banyak peluang ekonomi serta pekerjaan kepada

golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Kejayaan Kerajaan dalam mengawal inflasi pada kadar yang rendah dapat memastikan harga barang-barang keperluan asas, makanan dan bukan makanan kekal di tahap yang munasabah pada kemampuan rakyat sekaligus mengekalkan tahap PGK atau tahap pendapatan minimum yang diperlukan pada aras yang munasabah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH

04.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status pembinaan Sekolah di Seksyen U10 Shah Alam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah *Rolling Plan* yang pertama Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK10), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan pembinaan sekolah di Seksyen U10 Shah Alam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengadakan taklimat tender dan lawatan tapak projek pada 19 Mac 2012. Projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja semua urusan tender selesai dan pembinaan sekolah tersebut dijangka akan mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2012.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN KARPAL SINGH
TARIKH 4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 yang telah lama mencapai tujuannya (outlived its purpose). Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Akta Hasutan 1948 memperuntukkan mengenai kesalahan menghasut, sama ada melalui percakapan atau perbuatan, yang termasuklah mencetak, menerbitkan, mengedarkan dan mengimport penerbitan yang mengandungi hasutan.

Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 kerana perundangan ini masih relevan bagi menjaga keselamatan negara dan keharmonian hidup rakyat serta mengelakkan kemudaratan kepada negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA:

**DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]**

TARIKH

4 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk Labuan dalam membangunkan kompleks penerangan yang selama ini agensi-agensi di bawah Kementerian masih menggunakan dan menyewa rumah-rumah kedai sebagai pejabat; dan
- (b) adakah langkah-langkah Kementerian untuk menaik taraf stesen RTM Labuan yang masih lagi menggunakan kuasa pemancar 100 watt ke kuasa pemancar 500 watt yang mana dapat merangkumi keluasan pancaran yang lebih besar kerana RTM Labuan sudah wujud semenjak 1986 lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa penyediaan *Rolling Plan* Kedua RMKe-10, perancangan untuk membina sebuah Kompleks Penerangan di Labuan yang menempatkan tiga (3) jabatan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) iaitu Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) telahpun disenaraikan. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan pembangunan Kerajaan yang terhad, KPKK tidak dapat melaksanakan projek tersebut pada waktu itu kerana terpaksa melaksanakan projek pembangunan mengikut keutamaan. Cadangan pembinaan Kompleks Penerangan Labuan ini akan dipohon semula di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10 untuk dipertimbangkan.

Dalam usaha Kementerian untuk menambah baik kualiti siaran radio dan TV RTM di Labuan, peningkatan kuasa pemancar sahaja tidak dapat menjamin dan menyelesaikan isu penerimaan siaran radio dan TV kerana ia turut bergantung kepada faktor kawasan terlindung. Oleh yang demikian, pemasangan pemancar baru di kawasan tersebut perlu dilaksanakan. Kerja-kerja pemasangan pemancar radio dan TV di kawasan-kawasan terlindung telah dipohon di bawah bajet RMKe-10. Projek ini akan dilaksanakan sekiranya mendapat kelulusan.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]

TARIKH

04 April 2012 (Rabu)

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan untuk Terminal Agro Bisnes Negara (TEMAN) Gopeng dan nyatakan sebab ia menjadi gajah putih. Nyatakan kos untuk menggunakannya pula sebagai Pusat Transformasi Luar Bandar.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan

Yang Dipertua,

Keseluruhan peruntukan yang telah dibelanja bagi TEMAN Gopeng adalah berjumlah RM159 juta dengan pecahan kos tanah sebanyak RM12,887,000 dan kos pembangunan sebanyak RM 146,771,707. Manakala kos yang digunakan untuk TEMAN Gopeng sebagai Pusat Transformasi Luar Bandar adalah rendah kerana menggunakan premis yang telah mempunyai kemudahan sedia ada.

Untuk makluman Yang Dipertua,

TEMAN bukanlah projek gajah putih. Ia diwujudkan berikutan pasar borong dan premis sedia ada seperti di Pasar Borong Kuala Pari yang amalan pengurusannya masih terbelakang berbanding pasar borong di negara maju. Pelaksanaan TEMAN masih diperingkat awal dan banyak usaha yang akan dilakukan Kerajaan untuk menjayakannya.

Pengalaman dari negara maju seperti Garak Market di Korea Selatan juga mengambil tempoh melebihi 5 tahun untuk mengaktifkan pasarnya. Pada peringkat awal, peniaga-peniaga di Garak Market mogok dan tidak mahu berpindah. Tetapi

kini, Garak Market semakin moden dengan kos pembangunan sebanyak USD2.5 bilion dan mengendalikan urus niaga yang tertinggi di dunia.

Manakala pengalaman di Malaysia pula, contohnya di TEMAN Kota Bharu, pemborong-pemborong sedia ada bersetuju berpindah berniaga ke TEMAN dan aktif berniaga dari 21 Julai 2011 hingga 31 Disember 2011 nilai jualan adalah RM90 juta. Ini menunjukkan bahawa besarnya peranan pemborong dalam menjayakan sesebuah pasar.

Kerajaan telah membuat keputusan bahawa TEMAN bukan hanya sebagai pusat pengedaran makanan tetapi juga sebagai Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) melalui pendekatan bersepadu gabungan jentera Kerajaan, swasta dan rakyat di bawah *Blue Ocean Strategy*. TEMAN dipilih sebagai RTC berasaskan faktor kemudahan sedia ada (*availability*), boleh dilaksanakan (*implementable*) dan mudah diakses kumpulan sasaran (*accessibility*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **04.04.2012**

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelantikan firma perakaunan dan skop dan terma tugas terhadap Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan National Feedlot Corporation (NFCorp) sepertimana yang diumumkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 18 Januari 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menyempurnakan pelantikan firma perakaunan untuk menjalankan pengauditan terhadap NFCorp pada 8 Februari 2012. Skop dan terma tugas pengauditan firma perakaunan tersebut adalah merangkumi aspek model perniagaan, tadbir urus dan pematuhan.

Antara tugas yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut:

i. mengenal pasti kelemahan semasa, daya maju model perniagaan dan mengemukakan syor-syor penambahbaikan;

ii. menentukan pematuhan agensi-agensi Kerajaan dan operator projek terhadap obligasi-obligasi yang dipertanggungjawabkan beserta cadangan-cadangan penambahbaikan;

iii. mengkaji rangka kerja tadbir urus dan menilai keberkesanan rangka kerja tadbir urus semasa serta mengemukakan langkah-langkah penambahbaikan; dan

iv. mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan Kerajaan untuk menjayakan Projek Pusat Fidlot Nasional.

Untuk maklumat Yang Berhormat laporan akhir kajian tersebut belum dimuktamadkan.

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN HEE LOY SIAN**

[Petaling Jaya Selatan]

TARIKH **4 April 2012 (Rabu)**

SOALAN **40**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) berapakah kos asal serta kos tambahan dalam pembinaan Lapangan Terbang KLIA2; dan**
- (b) apakah sebab wujudnya kos tambahan secara mendadak dalam pembinaan KLIA 2.**

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, anggaran asal kos bagi pembinaan Lapangan Terbang KLIA2 ialah sebanyak RM2 billion. Setelah mengambilkira skop tambahan, anggaran kos terkini adalah di antara RM3.1 hingga RM3.4 billion dan ini tidak termasuk aset kerajaan sebanyak RM530 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh MAHB .

Kewujudan kos tambahan secara mendadak dalam pembinaan KLIA2 adalah disebabkan oleh penambahan skop kerja bagi memenuhi permintaan tambahan syarikat penerbangan demi mencapai operasi yang efisien serta menepati piawaian International Civil Aviation Organization (ICAO) dari segi keselamatan operasi.

KJC* - So A

L AnJ :

~~NQAUM--30~~

NQ-AUF :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN

PERTANYAAN

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

DARIPADA

4 APRIL 2012

TARIKH

4641

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan pihak polis terhadap Hishamuddin Hashim, Mohd. Anuar Ismail dan Mohd. Ashraf Mohd. Yunus, di bawah Seksyen 304A atau Seksyen 120A Kanun Keseksaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, merujuk kepada laporan Suruhanjaya Di Raja berkaitan terdapat beberapa pegawai SPRM yang terlibat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Serdang, satu Laporan polis telah dibuat bersangkut Sek. 11 Rpt 8379/11 oleh adik perempuan si mati (Teo Beng Hock) dengan siasatan terhadap simati.

Pihak polis sedang menjalankan siasatan bagi mengumpulkan keterangan dan bukti-bukti berkaitan laporan berkenaan. Kertas Siasatan telah dirujuk kepada YA Ketua Unit Pendakwaan Negeri dan Pejabat Peguam Negara bagi tujuan kajian dan nasihat.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sama ada Kerajaan sedia mengesyorkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan semua syarikat yang berkaitan dengannya.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh perkara yang masih dalam tindakan mahkamah (Kerajaan Malaysia lawan Datuk Mohamad Salleh bin Ismail no kes: 62-173-03-2012 dan 62-174-03-2012), ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan subjudis terhadap siasatan.

SOALAN NO: 42

PERTANYAAN

DARIPADA PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

TARIKH DEWAN RAKYAT

SOALAN LISAN

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

4 APRIL 2012 (RABU)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sama ada Kerajaan sedia mengesyorkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan semua syarikat yang berkaitan dengannya.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh perkara yang masih dalam tindakan mahkamah (Kerajaan Malaysia lawan Datuk Mohamad Salleh bin Ismail no kes: 62-173-03-2012 dan 62-174-03-2012), ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan subjudis terhadap siasatan.

NO. SOALAN :

43 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan:-

(a) adakah JPM akan menuntut FBC memulangkan kepada rakyat

SOALAN NO: 42

Malaysia 17 juta pound sterling yang dibayar kerana gagal di dalam memenuhi tugas publisiti; dan

- (b) apakah penilaian pencapaian dan skop tugas syarikat APCO Worldwide menepati terma-terma yang ditetapkan di dalam perjanjian yang dimeterai antara pegawai Perdana Menteri dan syarikat tersebut. Nyatakan sebab-sebab seandainya terma gagal dipenuhi dan adakah bayaran yang telah dibuat akan diminta untuk dikembalikan kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) yang bertujuan menarik pelabur asing dan meningkatkan kedatangan pelancong bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. FBC telah memenuhi tanggungjawab yang ditetapkan dalam kontrak dengan Kerajaan Malaysia.
- (b) Syarikat APCO Worldwide dilantik untuk melaksanakan perkhidmatan komunikasi yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti Kerajaan dalam bidang ini agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. APCO telah menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 44

PR-1251-

L48758

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN
HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]**

TARIKH

4 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah Malaysia masih berpegang kepada konsep dan pendirian Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) untuk Asia Tenggara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali atau dengan izin "*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*" (ZOPFAN) telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN pada 27 November 1971 di Kuala Lumpur. Deklarasi ZOPFAN ini merupakan inisiatif Malaysia yang menggariskan iltizam serta komitmen Negara-Negara Anggota ASEAN dalam memastikan rantau Asia Tenggara bebas dari campurtangan pihak luar.

3. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Deklarasi ZOPFAN ini menjadi asas kepada instrumen-instrumen politik ASEAN yang lain seperti, dengan izin, *Treaty of Amity and Cooperation in South East Asia* (TAC) dan *Treaty on the Southeast Asia Nuclear Weapon-Free Zone* (SEANWFZ), yang mana ia memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada langkah-langkah untuk membina keyakinan, dan diplomasi pencegahan di rantau Asia Tenggara.

4. Selain itu, dalam usaha untuk mencapai matlamat Komuniti ASEAN 2015 dan menjadikan Asia Tenggara sebuah rantau yang aman, bebas dan stabil, prinsip ZOPFAN telah dimasukkan ke dalam Rangka Kerja Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN. Malaysia telah terlibat secara aktif dalam merangka pelan tindakan ini, yang mana ia telah diterima pakai semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan Disember 2008. Dalam hal ini, sehingga ke hari ini, Malaysia komited untuk memastikan Rangka Kerja Pelan Tindakan tersebut dilaksanakan dengan efektif bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Oleh itu, Malaysia akan terus berpegang teguh kepada konsep ZOPFAN dalam usaha mengekalkan dan memperkukuhkan lagi kestabilan dan keamanan rantau Asia Tenggara

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 45

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARI PAD A

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]

4 April 2012 (RABU)

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan apakah status projek perumahan nelayan Bunut Rendang yang telah terbengkalai sekian lama. Adakah projek tersebut akan disambung semula.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Projek Penempatan Semula Nelayan di atas Tanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK) seluas 100 ekar di Kampung Bunut Rendang, Kuantan adalah satu projek di bawah Kerajaan Negeri Pahang dan dipantau oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang. Sehingga kini, projek tersebut hanya siap 20.36% berikutan masalah kewangan oleh syarikat peneraju.

Semasa Majlis Pelancaran Program Ihsan Samudera Peringkat Kebangsaan pada 21 Januari 2012, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk membaik pulih Projek Penempatan Semula Nelayan di Bunut Rendang, Kuantan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN NO: 46

LISAN

PERTANYAAN

**YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

DARIPADA

RABU, 4 APRIL 2012

TARIKH RUJUKAN 15 [PR-1251-L48642]

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan tentang projek mengubah Kuala Lumpur menjadi bandar raya ekologi dan berapa jumlah kos yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ampang, berkaitan pertanyaan Yang Berhormat mengenai cadangan mengubah Kuala Lumpur menjadi Bandaraya Ekologi di dunia, ianya adalah terlalu umum.

Dari segi pembangunan Kuala Lumpur secara keseluruhan, aspek ekologi memang diberi penekanan dalam kelulusan perancangan secara keseluruhan di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun mempunyai Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang telah digazetkan pada 4 November 2004 dan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur sedang dalam tindakan pewartaan yang dijangkakan akan dibuat pada bulan Julai 2012. Mengikut piawaian perancangan semasa, setiap cadangan pembangunan di Kuala Lumpur akan diteliti dari pelbagai sudut untuk memastikan aspek ekologi ini secara menyeluruh diambil kira. Sebagai contoh, syarat menyediakan 10% dari kawasan pembangunan ditentukan sebagai kawasan lapang serta pemaju perlu menyediakan skim landskap tersendiri.

Perkara lain berkaitan ekologi termasuklah penyediaan *Storm Water Management* (Pengurusan Air Hujan), pelupusan sampah, sistem pemetangan dan sistem kutipan sisa pepejal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui program ETP/NKEA di Kuala Lumpur, penumpuan lebih diberikan kepada aspek penjagaan ekologi melalui dua (2) komponen terbesar seperti di bawah projek '*River of Life*' (ROL) dan '*Greening KL*'. ROL memberikan tumpuan kepada usaha-

usaha pembersihan serta peningkatan kualiti air Sungai Gombak dan Sungai Kelang. Di samping itu, jaringan siar kaki serta laluan basikal disediakan di tepi sungai berkenaan. Kerja-kerja mempertingkatkan keindahan dan landskap sekitar juga dilaksanakan.

Sementara itu, dalam program '*Greener Kuala Lumpur*', Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berusaha menghijaukan Kuala Lumpur dengan menanam lebih kurang 30 ribu pokok setahun. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2011 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menanam lebih kurang 34 ribu pokok yang mana telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan kawasan lapang di sekitar Kuala Lumpur.

Dari segi kos yang terlibat dalam program '*River of Life*' (ROL) dianggarkan berjumlah RM4billion. Ianya akan berlarutan sehingga tahun 2020. Perbelanjaan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan Pembangunan ROL ini akan menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi khususnya bagi kawasan-kawasan sekitar tebing kedua-dua sungai dan juga

Kuala Lumpur secara amnya. Nilai hartanah bagi kawasan terlibat akan juga meningkat. Oleh itu, pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan ini akan dibiayai melalui pulangan hasil dari penjualan tanah atau pembangunan yang berada di sekitar kawasan projek apabila projek telah siap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Jawapan:

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]

TARIKH

4 April 2012 (Rabu)

SOALAN

47

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan membenarkan syarikat penerbangan AirAsia untuk mengenakan dan mengutip *Passengers Service Fee* (dulunya dikenali sebagai *Airport Tax*) terus dari penumpang. Berapakah jumlah *Passengers Sen/ice Fee* yang telah dikutip oleh AirAsia semenjak mula beroperasi.
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Gombak, Caj Perkhidmatan Penumpang (*Passenger Service Charge - PSC*) adalah dikutip oleh

Jawapan:

syarikat-syarikat penerbangan (termasuk AirAsia) daripada penumpang bagi pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Senai Airport Terminal Services (SATS) (bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru). Kutipan PSC ini dibuat oleh syarikat-syarikat penerbangan kerana ia adalah lebih mudah dikutip melalui tiket kapal terbang. Seterusnya kutipan PSC ini akan diserahkan kepada pihak MAHB dan SATS bagi perkhidmatan yang telah disediakan di semua lapangan terbang.

Jumlah *Passengers Service Fee* yang telah dikutip oleh AirAsia dari tahun 2005 hingga tahun 2009 adalah sebanyak RM465.13 juta.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN
PERTANYAAN **YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**
DARI PAD A **KUALA TERENGGANU 4 APRIL 2012 (RABU)**

KAWASAN

TARIKH **SOALAN:**

YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan maklumat terperinci tentang
Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT 2) termasuk butiran berikut:-

- (a) bilakah dijangka siap sepenuhnya dan jumlah kos baru keseluruhan pembinaan lebuh raya tersebut; dan
- (b) pihak yang akan ditawarkan konsesi, terma-terma perjanjian, tempoh konsesi dan bentuk puiangan kepada Kerajaan Negeri Terengganu hasil dari pelaburan sebanyak 50% dari kos pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 Negeri Terengganu (LPT2) dibahagikan kepada 2 kaedah, iaitu 30% daripada keseluruhan jajaran LPT2 dilaksanakan oleh MTD Capital Berhad dan dipantau oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) manakala baki 70% lagi ditawarkan menerusi tender terbuka melibatkan 16 pakej keseluruhan di bawah pemantauan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sehingga 1 Mac 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 ialah 77.5%. Projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan terdapat 10 pakej di bawah pengawasan JKR yang perlu ditender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007/2008. Pada masa kini kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang ditender semula itu, kecuali untuk Pakej 4 dan 7 di mana kontraktor untuk kedua-dua pakej tersebut akan dilantik selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini dan projek dijangka siap dalam tempoh 24 bulan kemudian. Sehubungan itu, keseluruhan projek LPT2 dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalu-lintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014.

Pada masa kini anggaran kos projek keseluruhan LPT2 ialah sebanyak RM4.25 bilion, iaitu mengambil kira pertambahan kos sebanyak RM400 juta untuk pakej-pakej yang telah ditender semula dan tambahan RM225 juta lagi untuk pembinaan infrastruktur to I, kawasan

Rehat sc Rawat, hentian sebelah dan lain-lain infrastruktur yang berkaitan.

(b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan supaya kutipan tol dikenakan kepada pengguna di LPT2 apabila ia siap kelak. Berikutan itu Kerajaan pada bulan Mac 2012 yang lalu telah bersetuju supaya pengurusan kutipan tol dan operasi dan penyelenggaraan (O&M) LPT2 ini dilaksanakan menerusi kaedah penswastaan. Ini bagi memastikan lebuhraya tersebut dapat diuruskan dengan cekap dan efisien sebagaimana lebuhraya-lebuhraya lain yang beroperasi di negara ini. Pada masa kini cadangan penswastaan tersebut, termasuk aspek pemilihan syarikat konsesi, penetapan kadar tol, tempoh konsesi, perkongsian hasil tol dan sebagainya masih lagi berada pada peringkat awal perbincangan dan akan diteliti bersama oleh kementerian ini dengan Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS).

Sekian, terima kasih.

k/o- SoAI AkJ :

~~~M&AUM-~~

~~rSS- -MO-AUP-~~

~~:-4A~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG I JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**TARIKH 4 APRIL 2012**

**RUJUKAN 4522**

**SOALAN :**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah iangkah-iangkah teg as yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) selepas tarikh 10 April 2012 dan apakah perubahan polisi yang akan diambil Kerajaan untuk memastikan yang Malaysia tidak perlu mengulangi lagi Program 6P ini dalam beberapa tahun akan datang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membanteras masalah PATI merupakan satu usaha berterusan dan adalah sukar untuk menjangkakan penyelesaian sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil beberapa langkah inisiatif bagi membendung kebanjiran warga asing di negara kita.

Beberapa langkah pencegahan dan pemantauan melibatkan agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan lain-lain agensi telah dilakukan secara bersepadu bagi membendung kemasukan PATI ke negara ini. Antaranya ialah dengan mengetatkan kawalan pintu-pintu masuk diseluruh negara. Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia dari masa ke semasa melaksanakan aktiviti **penguatkuasaan terhadap warga asing** bagi mengesan mereka yang masuk tanpa ke negara ini secara tidak sah.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI adalah seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai

tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PAT I. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan seteiah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

Untuk makluman Tuan Yang Di-pertua, Program 6P adalah berbeza

dengan program pengampunan atau pemutihan yang dilaksanakan Kerajaan secara berasingan dan tersendiri sebelum ini kerana:

- (i) Program ini adalah satu **mekanisme komprehensif melibatkan enam komponen** yang akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran.
- (ii) Program kali ini berbeza kerana ia melibatkan **pendaftaran biometrik setiap PATI yang akan mengelakkan berlakunya pemalsuan identiti dan dokumen** untuk mereka yang tidak berdaftar secara sah memasuki atau berada di dalam negara. Data biometrik yang didaftarkan akan membantu meningkatkan keupayaan dan keberkesanan proses penguatkuasaan bagi menangani keberadaan PATI di dalam Negara;
- (iii) Program ini merupakan salah satu daripada **inisiatif kerajaan merentasi Kementerian dengan matlamat memantapkan pengurusan warga asing di Malaysia** melalui Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ia adalah agenda nasional yang digerakkan secara kolektif melibatkan 14 buah Kementerian selain Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta agensi-agensi berkaitan yang lain.
- (iv) Program ini melibatkan *engagements* dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) di luar kerajaan seperti persatuan majikan, para majikan secara individu, pihak industri dan swasta, kedutaan negara-negara sumber, syarikat pengurus dan lain;
- (v) Program ini juga adalah sebahagian daripada **strategi** dan

**pendekatan dalam agenda besar menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.** Mobiliti penduduk dunia khususnya dalam konteks penawaran peluang pekerjaan kepada warga asing dikenal pasti sebagai antara punca utama beriakunya pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia. Situasi ini berlaku apabila wujudnya kelemahan dalam pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan dalam proses pengambilan dan penghantaran pekerja asing yang telah membuka ruang kepada manipulasi sindiket yang mengaut keuntungan yang besar.

Program 6P ini mendapat pujian dan sambutan daripada negara luar seperti Singapura, Indonesia, Bangladesh dan Australia yang nampak usaha Kerajaan Malaysia yang serius menangani isu pemerdagangan orang dan pengurusan warga asing yang lebih komprehensif.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2012**

**Y.B. TUAN WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a) Prosedur-prosedur untuk permohonan kelulusan di bawah



subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 khususnya untuk tabung pembinaan sekolah swasta bagi sekolah menengah persendirian (Cina); dan

b) Berapakah jumlah dana daripada pelepasan cukai kepada penderma untuk tabung pembinaan sekolah swasta bagi sekolah menengah persendirian (Cina) yang telah diluluskan antara tahun 2010 dan 2011.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur untuk permohonan kelulusan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tabung pembinaan sekolah swasta seperti sekolah menengah persendirian (Cina) adalah dengan memohon secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Permohonan hendaklah dibuat berserta dokumen lengkap seperti berikut:

i. Lampiran A daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) yang dilengkapi dan disokong oleh JPN dan Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Swasta);

ii. Senarai Ahli Jawatankuasa Tabung Pembinaan;

iii. Senarai Lembaga Pengurus / Pengelola sekolah;

iv. Sesalinan pelan bangunan yang telah diluluskan dan diendoskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan;

v. Sesalinan surat pengesahan kos terperinci daripada arkitek bertauliah;

vi. Nama dan alamat kontraktor serta sesalinan surat tawaran tender kontrak;

vii. Jumlah derma yang telah dikutip beserta penyata akaun bank; dan

viii. Jumlah bantuan kewangan daripada Kerajaan (Negeri/Pusat).

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah kutipan dana bagi tabung pembinaan yang telah diluluskan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah bergantung pada kos sebenar sesebuah bangunan yang dibina/dibaik pulih. Pihak sekolah hanya dibenarkan membuat kutipan mengikut kos yang dianggarkan oleh arkitek bertauliah. Berikut adalah maklumat mengenai bilangan permohonan tabung pembinaan menengah persendirian (Cina) serta jumlah dana yang diluluskan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 (sehingga bulan Februari):

| Tahun                       | Bilangan Permohonan Yang Diluluskan | Jumlah Dana Daripada Pelepasan Cukai (RM) |
|-----------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------------|
| 2010                        | 5                                   | 18,135,538.00                             |
| 2011                        | 2                                   | 2,350,851.00                              |
| 2012<br>(Sehingga Februari) | 1                                   | 2,208,731.00                              |
| <b>JUMLAH</b>               |                                     | <b>22,695,120.00</b>                      |



**SOALAN NO. : 51**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**            LISAN

**DARIPADA**            : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

**TARIKH**                : 4 APRIL 2012

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kegiatan pembalakan hutan secara haram di seluruh negara yang menyebabkan kerugian yang besar sebanyak RM900 juta setahun. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan aktiviti haram ini yang membawa kesan yang buruk terhadap alam sekitar. Berikan statistik pembalakan haram yang dikesan mengikut negeri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian sebanyak RM900 juta setahun seperti mana yang dilaporkan oleh *Transparency*

*Internationalatialah* tidak tepat. Angka tersebut merupakan jumlah yang dianggarkan berdasarkan laporan-laporan dan terbitan antarabangsa mengenai perdagangan industri kayu balak di rantau *Asia Pacific*.

Di Semenanjung Malaysia, peratusan pengeluaran balak daripada kegiatan pembalakan haram adalah terlalu kecil dan langsung tidak signifikan jika dibandingkan dengan jumlah isipadu pengeluaran kayu balak sebenar.

Berasaskan rekod, peratusan isipadu pengeluaran kayu balak haram adalah dalam lingkungan 0.03% hingga 0.07% dalam tempoh tahun 2005 hingga 2010 jika dibandingkan dengan isipadu pengeluaran kayu balak sebenar bagi tahun berkaitan.

Aktiviti ini melibatkan nilai kerugian berjumlah RM10.7 juta untuk tempoh lapan(8) tahun kebelakangan ini iaitu.dari tahun 2004 hingga 2011. Walaubagaimanapun nilai kerugian pada tahun 2011 menurun iaitu, sebanyak lebih kurang RM 500 ribu berbanding RM 1.8 juta kerugian pada tahun sebelumnya. Nilai kerugian ini dapat dikurangkan hasil daripada beberapa langkah drastik yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia(JPSM) bagi membendung isu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pihak Kerajaan amat memandang serius dalam menangani aktiviti pembalakan haram dan pencerobohan hutan. Jenayah ini sememangnya perlu dibendung daripada terus berleluasa supaya ianya tidak menjejaskan Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan yang diamalkan sekarang serta tidak membawa kesan kepada kepelbagaian biologi dan alam sekitar.

Diantara langkah-langkah yang diambil oleh pihak JPSM dalam menangani

kegiatan pembalakan haram adalah seperti berikut:

- i. Penubuhan *flying squadd* peringkat Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dan Ibu Pejabat Perhutanan;
- ii. Mempertingkatkan aktiviti rondaan dan pemantauan serta mengadakan sekatan jalan raya di kawasan-kawasanyang berisiko tinggi berlakunya pembalakan haram iaitu, kawasan *Hotspot*;
- iii. Penubuhan *1-NRE Enforcement Team* bagi menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu oleh pelbagai agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- iv. Menjalankan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Angkatan Tentera DiRaja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM)dalam membuat rondaan dan sekatan di jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- v. Menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan sistem maklumat geografi (GIS) untuk mengesan dan memantau perubahan fizikal dan landskap kawasan Hutan Simpanan Kekal bagi menyekat aktiviti pencerobohan hutan;
- vi. Kerajaan juga sedang dalam fasa terakhir memperkemaskan peruntukan sediaada memperkenalkan peruntukan baru dalam Akta Perhutanan Negara 1984. Ia termasuk menaikkan penalti kesalahan dan memindahkan prinsip beban pembuktian *strict liability* daripada

pihak pendakwa kepada pihak yang memiliki hasil hutan secara tidak sah yang ditakrif sebagai orang kena tuduh; dan

- vii. Mengadakan kempen kesedaran awam dan melibatkan orang ramai dalam penguatkuasaan bersama iaitu, sebagai mata dan telinga kerajaan dalam mengesan dan melaporkan kegiatan pembalakan haram. Bagi memudahkan masyarakat awam membuat aduan-aduan tersebut, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyediakan kemudahan talian tol bebas Ibu Pejabat iaitu 1-800-88-5776.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pembalakan haram bagi tahun 2011 mengikut negeri adalah: Johor (8 kes), Kedah (1 Kes), Kelantan (9 kes), Negeri Sembilan (1 kes), Pahang (3 kes), Perak (2 kes). Bagi Negeri Melaka, Perlis, Terengganu dan Pulau Pinang masing-masing tiada kes pembalakan haram. Sebanyak 21 kes pembalakan haram adalah dikesan dalam Hutan Simpanan Kekal manakala 3 kes lagi adalah dikesan di hutan tanah kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**NQ-AUP : £3.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**DATO\* ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ]**

**DARIPADA**

**4 APRIL 2012**

**TARIKH**

**4523**

**SOALAN  
RUJUKAN**

**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah persatuan-persatuan dan badan-badan bukan Kerajaan yang berdaftar di negara ini. Apakah mekanisme Kementerian di dalam memastikan badan-badan tersebut mematuhi syarat-syarat penubuhan dan undang-undang.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Arau yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, sehingga 31 Disember 2011, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia(JPPM) telah merekodkan sebanyak 118,006 buah pertubuhan induk dan cawangan melalui 14 buah pejabat JPPM Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta 1 cawangan kecil di Miri, Sarawak. Pendaftaran pertubuhan ini adalah tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966.

Bagi memastikan setiap pertubuhan berdaftar mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta Pertubuhan 1966, mereka diwajibkan untuk menghantar Penyata Tahunan yang mengandungi laporan aktiviti pertubuhan, laporan kewangan, minit mesyuarat agung dan senarai ahli jawatankuasa yang dipilih bagi tahun semasa dan penyata tahunan ini perlu dihantar ke Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari selepas mesyuarat agung diadakan.

Selain itu, JPPM juga mengadakan pemeriksaan bernois dan tanpa nois ke atas pertubuhan yang baru didaftarkan, pertubuhan bermasalah dan juga berdasarkan aduan yang diterima dari orang awam. Diantara

perkara yang akan diambilkira semasa melakukan pemeriksaan adalah dengan memastikan alamat semasa pertubuhan adalah sama seperti alamat yang didaftarkan pada Sijil Pendaftaran Pertubuhan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan objektif penubuhannya dan lain-lain dokumen berkaitan pertubuhan. Pemeriksaan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 63 dan Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966.

**SOALAN NO: 53**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

### **RAKYAT**

**PERTANYAAN :       JAWAB LISAN**

**DARIPADA           TUAN NGA KOR MING[ TAIPING ]**

**TARIKH               4 APRIL 2012**

### **SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan senaraikan nilai sebenar kos perbelanjaan secara terperinci termasuk pembinaan tugu-tugu, iklan-iklan serta fee pelantikan consultant yang terlibat untuk mempromosikan kempen slogan "1 MALAYSIA".

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan merupakan salah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam menjayakan dan mempromosikan Gagasan 1 Malaysia kepada masyarakat umum. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2009, Kementerian ini telah membelanjakan sebanyak RM10juta bagi tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2009 sehingga tahun 2011. Perbelanjaan ini meliputi pelaksanaan program promosi "*below the line*" yang mana ia meliputi

### **SOALAN NO: 53**

tayangan iklan Gagasan 1 Malaysia di papan elektronik, paparan luar, editorial dan pengiklanan di akhbar-akhbar tempatan dan sebagainya. Kementerian ini telah menggunakan setiap kepakaran, kemahiran dan sumber manusia yang sedia ada dalam merancang dan melaksanakan kempen serta promosi Gagasan 1 Malaysia tanpa melantik mana-mana juruperunding (*consultant*).

Berdasarkan hasil kajian terkini tahap Kefahaman dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Gagasan 1 Malaysia yang telah dilaksanakan oleh KPKK yang melibatkan 31,066 responden pada bulan Jun hingga Oktober 2011, didapati tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia adalah sebanyak 86.3% melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan untuk KPKK iaitu 85%. Kejayaan pencapaian ini adalah selaras dengan kejayaan program-program yang dilaksanakan oleh KPKK serta semua jabatan dan agensi dibawahnya.



**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Dato' Shamsul Anuar bin  
Nasarah (Lenggong)**

**TARIKH**

**4 APRIL 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) tahap kecekapan dan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat sehingga kini setelah wujudnya PEMANDU, UKAS, PRIMA; dan**
- (b) pencapaian GTP (Government Transformation Programme) sehingga kini.**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tahap kecekapan dan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat setelah wujudnya PEMANDU, UKAS, PRIMA**

Kerajaan sentiasa menggandakan usaha untuk meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pelbagai inisiatif dan kemudahan telah dilaksanakan melalui penubuhan beberapa agensi Kerajaan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Di antaranya, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Unit PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

**PEMANDU**

PEMANDU telah ditubuhkan pada 16 September 2009 dan merupakan satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) . Objektif utama PEMANDU adalah menyelia pelaksanaan, menilai kemajuan, memudahcara serta menyokong penyampaian dan memacu kemajuan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan



## SULIT

Program Transformasi Ekonomi (ETP). Peranan MAMPU juga adalah untuk menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI) semua Menteri.

Sementara tanggungjawab penyampaian menyeluruh untuk keberhasilan bidang keberhasilan utama nasional (NKRA) dan bidang keberhasilan utama kementerian (MKRA) bergantung kepada Menteri yang berkaitan, dan kejayaan bidang ekonomi utama negara (NKEA) bergantung kepada sektor swasta, PEMANDU telah diberi mandat untuk menjadi pemangkin perubahan dalam penyampaian sektor awam dan swasta, menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian dan menyediakan pandangan bebas berkaitan dengan prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri.

Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam NKEA, PEMANDU telah ditugaskan untuk memudahcara pelaksanaan Projek Permulaan (EPP) dan Peluang Perniagaan (BO) yang telah dikenalpasti untuk memastikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Untuk membolehkan PEMANDU menjalankan tugasnya dengan lebih efektif, sumber manusianya menggabungkan kepakaran yang terbaik dari sektor swasta dan juga perkhidmatan awam.

## UKAS

UKAS, JPM adalah agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan projek-projek penswastaan melalui *Private Public Partnership* (PPP) dan projek kerjasama sektor awam-swasta yang memberi impak kepada ekonomi negara dan boleh diberi suntikan dana *facilitation fund*.

Selaras dengan pendekatan baru Kerajaan berlandaskan Model Baru Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), usaha-usaha untuk merencanakan pelaburan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan. Dalam hubungan ini, peruntukan kerajaan dalam projek-projek pembangunan akan dikurangkan dan Kerajaan akan lebih memberi perhatian kepada projek-projek yang dilaksanakan dan dibiayai oleh sektor swasta sama ada melalui pendekatan penswastaan dan *Public Private Partnership* (PPP) atau pelaburan langsung pihak swasta dalam program pembangunan negara. Kerajaan juga telah memperuntukkan dana khusus (*facilitation fund*) di bawah RMKe-10 untuk menyokong projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta

## SULIT

sebagai sumbangan Kerajaan melalui kerjasama sektor awam dan sektor swasta.

PPP merupakan satu bentuk kerjasama di antara sektor awam-swasta di mana satu *stand alone* business diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang meliputi pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. Konsep pelaksanaan PPP ini adalah satu kaedah perolehan Kerajaan berasaskan kepada prinsip sesuatu kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa sokongan sumbangan kewangan Kerajaan. Pendekatan ini adalah berbeza daripada kaedah bina-pajak selenggara-pindah (*build-lease-maintain-transfer*) atau kaedah bayaran tertangguh (*deferred payment*) kerana melalui kaedah PPP, penekanan lebih diberikan kepada pencapaian *value for money* berdasarkan lima aspek berikut:

- (i) agihan risiko yang optimum di antara pihak Kerajaan dan syarikat;
- (ii) kos keseluruhan jangka hayat aset (*whole life cycle costings*);
- (iii) inovasi dalam rekaan, pembinaan dan penyenggaraan;
- (iv) penekanan kepada output (*output driven*); dan
- (v) prestasi penyampaian perkhidmatan.

Aspek-aspek di atas yang diberi penekanan di bawah Projek PPP membolehkan rakyat menikmati faedah yang optimum melalui pembangunan infrastruktur oleh Kerajaan.

Di antara kejayaan pelaksanaan dasar penswastaan negara antara lain adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan kemudahan infrastruktur yang canggih dan bertaraf dunia seperti projek Lebuhraya Utara Selatan, projek pembangunan *Light Rail Transit* (LRT), projek Pelabuhan Tanjung Pelepas dan projek pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA;
- (ii) mewujudkan syarikat-syarikat konglomerat tempatan yang maju dan berdaya saing seperti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad;
- (iii) menyediakan peluang pekerjaan di sektor swasta di samping melahirkan tenaga kerja profesional khususnya di kalangan Bumiputera; dan



## SULIT

- (iv) merencanakan pasaran modal negara melalui pelaburan sektor swasta dalam projek-projek Kerajaan yang diswastakan.

### PR1MA

PR1MA (Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia) adalah satu program Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah yang lebih meluas, terutama sekali di kalangan kumpulan gaji pertengahan, dengan menyediakan lebih banyak perumahan dengan harga berpatutan di bandar-bandar utama di seluruh negara. Pihak berkuasa yang akan membangun, mengurus dan mengendalikan rumah mampu milik PR1MA dikenali sebagai Unit PR1MA. Unit PR1MA, di bawah Jabatan Perdana Menteri juga akan memberi sokongan dalam memperuntukkan rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta, yang telah menerima bantuan daripada Kerajaan.

Penyediaan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat kini dilaksanakan oleh Kerajaan dan pihak swasta. Peranan pihak Kerajaan lebih tertumpu kepada penyediaan kemudahan perumahan awam kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah sementara pihak swasta pula menumpukan kepada pembangunan projek perumahan bagi kategori perumahan yang lain.

Pada masa ini terdapat jurang yang ketara dalam penyediaan rumah kategori kos sederhana dalam lingkungan harga RM150,000 hingga RM300,000 terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Kekurangan penawaran rumah kos sederhana disebabkan oleh kecenderungan pemaju-pemaju swasta membangun projek perumahan kos tinggi yang memberi pulangan yang lebih besar.

Sebagai satu inisiatif strategik untuk memenuhi keperluan perumahan segolongan besar rakyat, Kerajaan mengambil langkah melaksanakan PR1MA bagi menyediakan rumah kos sederhana bertujuan khusus untuk mengisi jurang keperluan masyarakat dalam kumpulan berpendapatan isi rumah di bawah RM6.000 sebulan.

Program ini akan dilaksanakan melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*). Melalui kaedah ini, Kerajaan dan pihak swasta termasuk institusi kewangan akan menggembeling tenaga dan sumber ke arah menepati matlamat menyediakan rumah yang bukan sahaja mampu dimiliki malah

berkualiti demi kesejahteraan dan keselesaan para penghuninya.

Pada 4 Julai 2011, PR1MA telah melancarkan sejumlah 560 rumah mampu milik untuk pemohon yang layak untuk projek pembangunan perumahan di bawah PR1MA yang terletak di Presint 11, Putrajaya dan dibangunkan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH).

**(b) Pencapaian GTP (*Government Transformation Programme*)**

Program Transformasi Kerajaan ataupun *Government Transformation Programme* (GTP) telah giat dilaksanakan sejak bulan Januari 2010 di bawah Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam melalui program yang menghasilkan impak atau *outcome* signifikan kepada rakyat Malaysia. Tumpuan utama GTP adalah kepada tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu NKRA Jenayah, NKRA Rasuah, NKRA Pendidikan, NKRA Penaanakutan Awam Bandar, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, NKRA Pendapatan Isi Rumah Rendah dan NKRA Kos Sara Hidup.

Di antara impak dan pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke atas rakyat secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

(1) NKRA Jenayah

Penurunan Indeks Jenayah dari tahun 2009 sehingga kini adalah sebanyak 26%.

(2) NKRA Rasuah

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaiannya adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, di mana 249 kes rasuah telah diproses. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan integriti dalam urusan perolehan Kerajaan, lebih daripada 5,000 kontrak tender terbuka telah dimuatnaik secara atas talian menerusi Portal MyProcurement. Lebih daripada 130,000 *Integrity Pact* telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan sebarang projek dan perolehan kerajaan. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan ialah *'Name and*

## SULIT

*Shame Database'* atau Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang telah memuatnaik lebih daripada 700 maklumat pesalah rasuah.

### (3) NKRA Pendidikan

Sejumlah 77,225 kanak-kanak telah mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh negara.

### (4) NKRA Pengangkutan Awam Bandar

Di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar penggunaan kereta api dan LRT telah meningkat sebanyak 35% manakala peningkatan sebanyak 22% bagi penggunaan Bas Ekspres Transit (BET) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

### (5) NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar

(i) Jalan-jalan baru sejauh 997 km telah berjaya dibina berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu 905.12 km;

(ii) Bekalan air bersih telah disalurkan kepada sebanyak 72,406 isi rumah berbanding dengan sasaran 58,087 isi rumah;

(iii) Sebanyak 26,956 buah rumah telah dibekalkan dengan bekalan elektrik melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 26,882 buah rumah;

(iv) Sebanyak 14,365 buah rumah kos rendah telah dibina dan dibaik pulih berbanding dengan sasaran sebanyak 9,146 buah rumah.

### (6) NKRA Pendapatan Isi Rumah Rendah

Di bawah NKRA Berpendapatan Isi Rumah Rendah, sebanyak 58,717 isi rumah telah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat yang menambahkan pendapatan mereka melalui perniagaan dan pekerjaan yang dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

**SULIT**

(7) NKRA Kos Sara Hidup

Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, melalui Bajet 2012 bantuan tunai sebanyak RM500 telah diberikan secara *one-off* kepada anggaran 5.2 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 131 peratus daripada sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2011. Jumlah yang diperlukan ataupun peruntukan yang sedia ada bagi program GTP pada tahun 2011 merangkumi sebanyak RM9.2 billion, di mana peruntukan sebanyak 92 peratus telah digunakan untuk mencapai implementasi projek-projek yang dirancang di bawah NKRA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNGMOKTAR BIN  
(KINABATANGAN)**

**RADIN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2012**

**NO SOALAN :**

**Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) isu tuntutan kenaikan royalti oleh negeri-negeri terlibat; dan
- b) Usaha Kerajaan dalam mengurangkan tanggungan subsidi minyak diesel dan petrol di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengenai bayaran hasil petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau *Production Sharing Contract* (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell dan Exxonmobil. Sehubungan itu, sebarang tindakan untuk meminda kadar hasil petroleum perlu dirundingkan semula antara PETRONAS dan rakan PSC berkenaan. Memandangkan kontrak PSC berkuatkuasa untuk satu tempoh tertentu, sebarang langkah untuk memindanya lebih-lebih lagi untuk

menaikkan kadarnya dikhuatiri akan menghakis minat dan keyakinan syarikat minyak asing untuk bergiat dalam industri hulu petroleum yang melibatkan aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas di negara ini. Sungguhpun kadar hasil petroleum kepada kerajaan negeri hanya 5 peratus, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri terbabit, jauh melebihi hasil yang diterima daripada bayaran hasil petroleum.

b) Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, subsidi petroleum adalah merupakan antara komponen terbesar dalam perbelanjaan Kerajaan. Justeru, bagi mengurangkan tanggungan subsidi petroleum, Kerajaan telah beberapa kali melaksanakan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel bagi tempoh 2010 hingga 2011. Rasionalisasi subsidi petroleum yang pertama telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2010 di mana subsidi bagi petrol RON95 dan diesel telah dikurangkan sebanyak 5 sen seliter. Harga petrol RON97 pula telah diapungkan secara terkawal. Seterusnya, pada 4 Disember 2010 Kerajaan sekali lagi telah melaksanakan rasionalisasi subsidi dengan mengurangkan subsidi ke atas petrol RON95 dan diesel sebanyak 5 sen seliter.

Selain itu, sebagai langkah untuk menguruskan perbelanjaan subsidi secara lebih efisien, Kerajaan juga telah memansuhkan pemberian *super subsidy* kepada 9 jenis pengangkutan darat mulai 1 Jun 2011 di mana harga jualan baru adalah RM1.80 seliter berbanding sebelumnya pada harga RM1.48 seliter. Kenderaan-kenderaan bagi sektor pengangkutan darat yang terlibat adalah:

1. Penggerak Utama (Prime Mover)
2. KargoAm
3. Lori Luton Kotak
4. Van Rigid
5. Lori Rigid Bagi Minuman Botol
6. Lori Tangki Rigid Bagi Tepung

7. Lori Rigid Refrigerated
8. Lori Tangki Air
9. Teksi Limosin

Selain daripada sektor pengangkutan darat, sektor nelayan Zon C2 juga telah dimansuhkan *super subsidy* di mana harga diesel bersubsidi selepas rasionalisasi adalah RM1.80 seliter berbanding RM1.25 seliter sebelumnya.

Kerajaan sedar bahawa perbelanjaan subsidi petroleum yang besar akan mengekang peruntukan ke arah pembangunan negara. Namun begitu, setiap langkah Kerajaan untuk mengurangkan subsidi ini akan memberi kesan kepada rakyat secara amnya. Menyedari ini faktor ini, Kerajaan merangka strategi pengurangan tanggungan subsidi petroleum secara teratur dan akan berusaha untuk memperkukuhkan mekanisme pemberian subsidi supaya lebih cekap dan berkesan bagi memastikan ia tidak akan menjejaskan ekonomi negara dan dalam masa yang sama tidak membebankan rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
YB DATUK SERI PANGLIMA  
MOJILIP BIN  
BUMBURING@WILFRED  
(TUARAN)**

**TARIKH : 4 APRIL 2012**

**SOALAN 56**

**DARIPADA**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah Kerajaan melaksanakan pembinaan jambatan yang menghubungkan Pekan Tuaran dan kawasan di seberang Sungai Tuaran.



## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut dibawah RMKe-10 (*Rolling Plan III*) dan pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015.

**SOALAN NO:**

**57 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 4 APRIL 2012

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah cuti bersalin boleh dibuat pindaan di bawah Akta Kerja 1955 diubah daripada 60 hari ke 90 hari dan kelayakan 5 orang kepada 7 orang anak.

PR-1251-L48350

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji kesesuaian untuk mengaplikasi kelayakan cuti bersalin di sektor awam bagi diguna pakai oleh sektor swasta. Perundingan awal yang dijalankan dengan pihak majikan mendapati bahawa majikan tidak bersetuju dengan perlanjutan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari dan meningkatkan kelayakan 5 orang anak kepada 7 orang



anak kerana perkara ini akan meningkatkan kos menjalankan perniagaan.

2. Dalam masa yang sama, dikhuatiri juga cadangan ini memberi implikasi kepada peluang wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan memandangkan majikan mungkin akan lebih cenderung untuk memilih tenaga kerja lelaki bagi menyertai organisasi mereka.

3. Walaupun begitu, KSM yang pada masa ini di peringkat mengkaji dan meminda undang-undang perburuhan negara secara menyeluruh akan memasukkan cadangan ini di dalam perbincangan yang akan melibatkan semua *stakeholders* seperti majikan, pekerja dan pertubuhan bukan Kerajaan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**

**(SIBUTI)**

**TARIKH 4 APRIL 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah pegawai-pegawai kebajikan di negeri Sarawak mempunyai syiling tuntutan terhad bagi membolehkan pegawai membuat pemantauan dan memeriksa permohonan rakyat di Jabatan Kebajikan terutama di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa memastikan siasatan kes terhadap permohonan bantuan kebajikan dilakukan dengan kadar segera oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sehubungan itu, bagi membolehkan pegawai terbabit menjalankan tugas dengan berkesan dan cepat, semua pejabat JKM di peringkat negeri dan daerah telah diberi peruntukan tuntutan perjalanan kakitangan untuk

tujuan tugas rasmi seperti keluar menyiasat permohonan bantuan serta menjalankan pemantauan bagi kes kaji semula.

Bagi JKM Negeri Sarawak, pihak kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1,431,435.00 untuk tuntutan perjalanan pegawai pada tahun 2011. Seterusnya pada bulan Ogos hingga November 2011, pihak Kementerian telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM352,387.00 bagi menampung keperluan tambahan untuk tahun 2011.

Sebagai makluman, kadar tuntutan perjalanan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2003, Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan-Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 04.04.2012**

**Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah yang harus bertanggungjawab terhadap keputusan MAS memasuki beberapa perjanjian fuel hedging serta melaksanakan pembelian sebanyak 17,350,000 tong minyak, di mana ia bukan hanya setakat menyebabkan MAS mengalami jumlah kerugian sebanyak RM3.38 bilion bagi tempoh dari 19-2-2009 hingga 31-12-2011 tetapi juga menepatkan MAS berada di dalam situasi masalah kewangan, dan senaraikan nama-nama syarikat yang MAS memasuki perjanjian fuel hedging tersebut

**JAWAPAN**

**NO SOALAN £>\*)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan MAS melaksanakan *fuel hedging* sebagai instrumen kewangan untuk melindungi syarikat daripada risiko perubahan harga bahan api adalah berdasarkan *Group Treasury Policy* yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah MAS. Mekanisme *fuel hedging* juga turut diguna pakai oleh syarikat-syarikat penerbangan utama lain bagi mengawal risiko kenaikan harga bahan api pada masa hadapan. Kerugian *hedging*





sebanyak RM3.38 juta yang dicatatkan MAS adalah disebabkan MAS mula mengguna pakai pelaporan kewangan standard 139, *Financial Reporting Standards 139 (FRS139)* yang mana semua instrumen kewangan perlu dilapor/direkod berasaskan nilai pasaran semasa, dalam hal ini merujuk kepada kontrak *fuel hedging*. Walau bagaimana pun, kerugian berkenaan hanyalah berbentuk kerugian perakaunan (*paper loss*) dan bukannya kerugian sebenar MAS. Secara keseluruhannya MAS telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM522.95 juta pada tahun 2009 dan RM237.35 juta pada tahun 2010.

2. Untuk tempoh 2009 hingga 2011, MAS telah memasuki kontrak *fuel hedging* dengan 12 buah syarikat tempatan dan antarabangsa, termasuk bank antarabangsa, Energy Business Unit of Mitsui dan Energy Business Unit of Mitsubishi Corporation. Kesemua pihak yang terlibat dengan kontrak berkenaan telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

**NO. SOALAN : 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

|                                |                                                                  |
|--------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| <b>PERTANYAAN<br/>DARIPADA</b> | <b>LISAN<br/>DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN<br/>MD TAIB [ BALING ]</b> |
| <b>TARIKH</b>                  | <b>4 APRIL 2012</b>                                              |
| <b>RUJUKAN<br/>SOALAN:</b>     | <b>4524</b>                                                      |

**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana siasatan pihak polis mengenai isu kepala babi yang diletakkan di masjid di Selangor baru - baru ini dan apakah langkah - langkah penyelesaiannya.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 sehingga kini, terdapat sebanyak dua belas (12) kejadian telah dilaporkan di seluruh negara. Kes - kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu (membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan) dan 298A Kanun Keseksaan (menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dan sebagainya, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan).

Terdapat satu (1) kes yang telah dituduh di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu bersangkutan dengan Kulai/Rpt/10384/2010. Tertuduh telah di tuduh di Mahkamah pada 16 Disember 2011 serta telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda RM 2,000. Tertuduh telah dipenjarakan selama 2 bulan kerana gagal membayar denda.



Berhubung dengan jenayah baling kepala babi di beberapa masjid dan surau ini juga, daripada sebelas (11) siasatan kes yang dibuka, sebanyak empat (4) kes masih dalam siasatan polis dan enam (6) lagi kertas siasatan telah di NFA (*No Further Action*) oleh Ketua Unit Pendakwaan Negeri, Jabatan Peguam Negara.

### **DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK DR MARCUS MAJIGOH [PUTATAN]

**TARIKH** : 4 APRIL 2012

#### **SOALAN:**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:

- (a) bilakah program tebatan banjir bagi kawasan Parlimen Putatan dapat dilaksanakan sepenuhnya; dan

**SOALAN NO. : 61**

- (b) apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Putatan, misalnya pemutihan sungai kampung Ulu - Tebongon, Putatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan dua (2) pakej kerja pembaikan saliran terhadap bahagian hilir kawasan Putatan iaitu, di kawasan Sri Pandan-Pandan dan di kawasan Jalan Pasir Putih berdekatan dengan SMK Putatan. Kerja-kerja bagi kedua-dua pakej ini telah bermula pada bulan Ogos 2011 dan dijangka siap pada akhir tahun 2012. Pelaksanaan projek-projek tebatan banjir ini akan mengurangkan masalah banjir di kawasan Putatan.
- (b) Bagi penyelesaian jangka panjang, Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Sg. Moyog termasuk kampung Ulu Tebongon dalam kawasan Parlimen Putatan telah disiapkan pada 2011. Mulai tahun ini, reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan dan peruntukan kerja-kerja fizikal akan dipohon dalam *Rolling PlanZ* (2013-2014) Rancangan Malaysia Ke-10.

Sekian, terima kasih.



**NO. SOALAN : 62**

**DARIPADA Y. B MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]**

**TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB**

**LISAN DEWAN RAKYAT**

**RUJUKAN 04 APRIL 2012**

**PERTANYAAN LISAN 4525**

**Y.B Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penerima kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 2008 hingga kini mengikut negara asal serta jumlah pemegang Kad Pengenalan Merah di negara ini. Berikan pecahan mengikut kaum.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, jumlah pemohon yang telah dikeluarkan sijil taraf kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 2008 hingga 2 Mac 2012 adalah seramai 42,493 orang. Manakala, sehingga 29 Februari 2012, pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) di negara ini berjumlah seramai 225,222 orang.

Kementerian tidak merekodkan pecahan kaum bagi pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap. Walaubagaimanapun, pecahan pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap mengikut negara adalah seperti berikut:

| <b>BIL.</b>               | <b>NEGARA</b> | <b>JUMLAH</b>  |
|---------------------------|---------------|----------------|
| 1.                        | INDONESIA     | 162,233        |
| 2.                        | FILIPINA      | 35,856         |
| 3.                        | THAILAND      | 8,950          |
| 4.                        | KEMBOJA       | 4,412          |
| 6.                        | LAIN-LAIN     | 13,771         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |               | <b>225,222</b> |



**NO SOALAN : 63**

**PERTANYAAN PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**TARIKH**

**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)**

**04.04.2012**

**(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membantu ramai bekas anggota tentera, khasnya pasukan Sarawak Rangers dan Iban Trackers, yang sekarang masih hidup dalam keadaan kemiskinan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sarawak Rangers termasuk mereka yang berkhidmat sebagai Iban Trackers adalah sebuah pasukan yang pernah berkhidmat di bawah Tentera British suatu ketika dahulu. Selaras dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM, bekas anggota Sarawak Rangers telah diiktiraf sebagai Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan diberikan Kad Bekas Tentera (KBT).**

**Sebagai Veteran ATM, mereka layak untuk mendapat pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. JHEV menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk bayaran perubatan termasuk rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan ubat-ubatan tanpa membezakan sama ada Veteran itu berpencen atau tidak.**

**Selain dari itu, golongan ini juga layak untuk mendapat bantuan-bantuan di bawah Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPTA / Politeknik), Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana. Pemberian bantuan ini dinikmati semenjak JHEV ATM ditubuhkan pada tahun 2001. Bantuan Sara Hidup di antara RM100.00 hingga RM300.00 adalah disasarkan terutamanya**

**kepada veteran yang susah dan daif.**

**Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan ialah khidmat nasihat dalam Program Melahirkan Usahawan dan Program Pembangunan Peningkatan Usahawan.**



**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**JAWAB LISAN**

**TARIKH**

**TUAN WANG HO LENG**

**SOALAN**

**4 APRIL 2012 (RABU)**

**Tuan Wang Ho Leng [ <sup>NO. 64</sup>Sibu ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan keadaan graduan universiti tempatan yang tidak mahir atau fasih dalam bahasa Inggeris, menjejaskan peluang mereka mendapat pekerjaan mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kebolehan menguasai Bahasa Inggeris merupakan suatu kelebihan kepada para graduan dalam mengharungi dunia perkerjaan. Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menitikberatkan kepentingan berbahasa Inggeris di kalangan graduan universiti tempatan. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Mengstruktur semula kursus-kursus Bahasa Inggeris sedia ada di IPTA mengikut tahap *Band ujian Malaysian University English Test* (MUET);



- (ii) Menambah kredit bagi kursus bahasa Inggeris ke tahap yang bersesuaian untuk meningkatkan penguasaan sebelum pelajar bergraduat;
- (iii) Memberi pilihan kepada IPTA untuk menggunakan Bahasa Inggeris dengan peratus yang lebih tinggi dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) untuk semua program pengajian;
- (iv) Menggunakan ICT dalam pembelajaran bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *Portal Online Resources for Learning in English* (MyLinE);
- (v) Melaksanakan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris di IPTA melalui penggunaan modul *Effective Communication Skills* (ECS) bagi pelajar tahun pertama yang mendapat MUET band 1 dan 2.
- (vi) Menubuhkan *Malaysian Higher Education English Language Council* (MHELC) sebagai badan penasihat kepada Kementerian Pengajian Tinggi dalam menentukan standard dan kualiti kurikulum dan program akademik Bahasa Inggeris di Malaysia.

Bagi memantapkan lagi usaha-usaha mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris di IPT, Kementerian Pengajian Tinggi sedang menyediakan sebuah kerangka Pelan Pengukuhan bahasa Inggeris di IPT. Pelan Pengukuhan ini akan dijadikan sebagai asas dalam penyediaan kurikulum Bahasa Inggeris di IPT selaras dengan usaha menyediakan pelajar IPT yang berketrampilan, berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi seiring dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

**NO. SOALAN : 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :        LISAN**

**DARIPADA             DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
                              [ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH                4 APRIL 2012**

**RUJUKAN             4526**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warganegara dan migran yang ditangkap polis dalam tahun 2011 bagi setiap negeri di Malaysia. Nyatakan juga pecahan yang ditahan polis melebihi 24 jam dan yang dituduh di mahkamah bagi setiap negeri.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sg Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan kepada rakyat bahawa jenayah yang melibatkan warga asing di negara ini adalah terkawal. Mengikut statistik pihak PDRM, pada tahun 2011, jumlah kes jenayah yang melibatkan warganegara asing adalah sebanyak 804 kes berbanding 157,891 kes jenayah indeks seluruh Malaysia bagi tahun 2011. Ianya hanya 0.5% sahaja daripada jumlah keseluruhan indeks jenayah tahun 2011. Manakala, sejumlah 839 orang warganegara asing telah ditangkap di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2011. Buat masa kini pihak PDRM tidak merekodkan statistik terperinci pecahan negeri dan yang ditahan melebihi 24 jam.

Bagi memastikan keadaan di dalam negara sentiasa aman dan selamat daripada ancaman kegiatan jenayah, pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri seperti mengadakan pemantauan dan risikan keselamatan di premis-premis yang dipercayai mempunyai populasi pekerja asing yang besar. Selain itu, melalui jaringan kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia dan pihak Interpol serta pihak berkuasa di negara-negara jiran, mana-mana pekerja asing yang mempunyai rekod jenayah akan ditapis sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia turut memberikan penumpuan terhadap usaha-usaha ini dengan mengadakan operasi bersepadu yang melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, RELA dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjejak, mengesan dan seterusnya menangkap mereka. Tindakan untuk mengambil cap jari dan dimasukkan ke dalam rekod sistem biometrik turut dilaksanakan bagi membolehkan kemasukan kali kedua pekerja asing tanpa izin ke negara ini dapat dikesan.





BIMP-EAGA telah dilaksanakan terutamanya usaha sama dalam bidang pembangunan infrastruktur seperti

Potensi Pasaran  
pembinaan, penyelenggaraan dan operasi sistem hubungan udara dan hubungan laut, perdagangan, pertanian dan pelancongan.

Sebagai contoh projek-projek yang berjaya dilaksanakan di dalam BIMP-EAGA secara usaha sama adalah, perkhidmatan pengangkutan seperti perkhidmatan feri penumpang dan kenderaan, dengan izin *Roll On Roll Off* (Ro-Ro) di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Brunei Darussalam serta Sabah dan Brunei Darussalam; sektor pertanian seperti pembangunan kluster industri berasaskan minyak sawit (dengan izin '*palm oil industrial cluster*') atau POIC di Sabah; dan sektor pelancongan seperti pakej pelancongan *Borneo Package* yang merangkumi Bandar Seri Begawan di Brunei Darussalam, Miri, Kuching dan Kota Kinabalu di Malaysia serta Pontianak di Indonesia. Projek-projek ini kebanyakannya merupakan inisiatif pihak swasta yang mana berdasarkan kajian kes yang dilaksanakan baru-baru ini, jumlah pelaburan pihak swasta Malaysia di dalam BIMP-EAGA adalah sebanyak RM2.3billion. Ini menunjukkan masih terdapat banyak ruang pelaburan yang perlu dipelopori oleh pihak swasta bagi mengambil peluang pelaburan di dalam wilayah BIMP-EAGA yang ternyata berpotensi besar.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan kerjasama berkaitan **connectivity** di wilayah BIMP-EAGA, Kerajaan Malaysia juga telah mengambil langkah bijak dengan memberi kebenaran kepada Syarikat Penerbangan MasWings untuk memperluaskan operasi di antara Sabah, Sarawak dengan wilayah BIMP- EAGA yang lain termasuk Brunei (Bandar Sri Begawan) and Kalimantan (Pontianak and Tarakan) pada awal tahun ini. Ini merupakan satu lagi inisiatif pihak swasta yang membantu perkembangan kerjasama serantau BIMP- EAGA. Dengan



penerbangan tersebut, bukan sahaja jaringan pengangkutan, malah pelaburan dan perhubungan di antara Malaysia dan negara-negara BIMP-EAGA yang lain juga dapat dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA di empat buah negara iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina merangkumi kawasan seluas 1.6 juta kilometer persegi dan dihuni oleh 57.5 juta orang penduduk. Dengan jumlah penduduk yang hampir mencecah 58 juta orang ini, tidak dapat dinafikan, potensi pasaran di wilayah BIMP-EAGA amat luas. Antara bidang yang berpotensi untuk dibangunkan di wilayah BIMP-EAGA adalah industri produk dan perkhidmatan “halal” dan juga sektor ekopelancongan. Ini adalah berdasarkan fakta bahawa ramai penduduk di wilayah BIMP-EAGA beragama Islam dan sumber-sumber semulajadi yang masih terpelihara di kawasan BIMP-EAGA terutamanya di kawasan hutan hujan tropika di Utara Borneo.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian penuh terhadap kemajuan yang dicapai oleh negara selaku anggota BIMP-EAGA. Kerjasama BIMP-EAGA yang merupakan *private-sector led and public-sector facilitation*, dengan izin, perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh pihak swasta. Kerajaan sentiasa memberi sokongan terhadap mana-mana pihak yang nyata serius dalam membangunkan ekonomi negara melalui kerjasama ini. Sehubungan itu, adalah disarankan agar pihak-pihak swasta terutamanya di Malaysia bijak mengambil peluang terhadap potensi pasaran yang luas ini dengan meningkatkan pelaburan di wilayah BIMP-EAGA sewajarnya.

**NO.SOALAN : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**  
DARIPADA **YB LIM LIP ENG**  
TARIKH **4 APRIL 2012**

SOALAN:

**YB Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik anggota penguatkuasaan di Malaysia iaitu PDRM, ATM, JKDM dan Jabatan Imigresen yang dipecat jawatannya dari tahun 2008 mengikut tahun, nama badan dan jenis kesalahan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Di antara tahun 2008 hingga 2010 seramai 151 orang pegawai dipecat/ dibuang kerja yang melibatkan anggota penguatkuasaan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 51 orang dipecat/ dibuang kerja pada tahun 2008 iaitu seramai lapan (8) orang pegawai daripada Kastam Diraja Malaysia (KDRM), lima (5) orang daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan 38 orang daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala 44 orang dipecat/ dibuang kerja pada tahun 2009 iaitu sembilan (9) orang daripada KDRM dan 35 orang daripada PDRM. Seramai 56 orang lagi dipecat/ dibuang kerja pada tahun 2010 yang meliputi 47 orang pegawai daripada PDRM dan sembilan (9) orang daripada JIM.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 68 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 4 APRIL 2012**  
**DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**  
**[PADANG TERAP]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan yang telah dijalankan di kawasan

Parlimen Padang Terap sejak 2008 hingga 2011 serta sebutkan projek-projek tersebut bersekali dengan kosnya.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan siling sebanyak **RM314.7 juta** bagi RMK-9 (2006-2010) untuk melaksanakan 68 **program/ projek pembangunan** di dalam kawasan Parlimen Padang Terap.

Manakala bagi *Rolling Plan* 1, RMK-10 (2011) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan siling sebanyak **RM56.1 juta** bagi Parlimen Padang Terap untuk melaksanakan 16 **program/ projek**.

